

KEMERDEKAAN DALAM MEMORI KOLEKTIF SEJARAH NEGARA MALAYSIA: SUDUT PANDANG SEJARAH

Abdullah Zakaria Ghazali*

Abstrak

Persekutuan Malaysia, dikenali sebagai Malaysia, dengan rasminya lahir sebagai sebuah negara berdaulat pada 16 September 1963. Dalam aspek kemerdekaan pula, 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu merdeka; 16 September 1963, Sarawak dan Sabah merdeka, bersama Persekutuan Tanah Melayu membentuk Persekutuan Malaysia. Makalah ini mengupas dan menjelaskan berdasarkan sumber primer dan sekunder tentang Persekutuan Tanah Melayu, dan Sarawak serta Sabah merdeka.

Kata kunci: Merdeka dan Malaysia

Pendahuluan

Memori kolektif Sejarah Malaysia menyimpan maklumat sejarah yang dapat menjelaskan persoalan mengenai istilah Kemerdekaan dalam konteks Sejarah Malaysia. Sehubungan itu makalah ini membuka memori sejarah silam berkaitan kemerdekaan Malaysia, dan berkongsi dengan khalayak kesesuaian serta ketetapan penggunaan perkataan atau istilah kemerdekaan tersebut dalam konteks Sejarah Malaysia. Selanjutnya makalah ini berbincang, dan berhujah, Kemerdekaan adalah istilah atau perkataan paling sesuai dan tepat dirujuk dalam Sejarah Malaysia. Dengan itu 1957 dan 1963 adalah tahun Kemerdekaan Malaysia. Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu, terdiri daripada 11 buah negeri: Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, dan Kelantan mencapai kemerdekaan. Sementara itu pada 16 September 1963 pula, Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) dengan rasmi menyertai Persekutuan Tanah Melayu membentuk Persekutuan Malaysia; dan sekali gus Sarawak dan Sabah dengan rasminya bebas daripada Jajahan Mahkota British, serta muncul sebagai negeri merdeka dalam Persekutuan Malaysia.

Sejarah Ringkas Penglibatan dan Campur Tangan British

Memori kolektif sejarah dalam lipatan sejarah Malaysia merekodkan penglibatan dan campur tangan British ini berbeza antara satu negeri dengan negeri lain. Penglibatan dan campur

* Abdullah Zakaria bin Ghazali, PhD (Malaya), DMSM ialah mantan Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Profesor Emiratus Universiti Malaya, dan Felo Persatuan Sejarah Malaysia.

tangan British di Semenanjung Tanah Melayu berperingkat-peringkat bermula dengan Kompeni Hindia Timur Inggeris di Kedah pada 1786. Sementara itu Sarawak, penglibatan British dalam pentadbiran Sarawak pada 1841, bermula dengan pentadbiran James Brooke yang dikenali sebagai Raja Sarawak. Dalam pada itu Borneo Utara atau Sabah pula, bermula dengan kegiatan orang Eropah persendirian melalui perjanjian konsesi dengan kesultanan Brunei, berpindah kepada Kompeni British Borneo Utara pada 1881.

Pada 11 Ogos 1786, Sir Francis Light bagi pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris menduduki Pulau Pinang tanpa sebarang perjanjian dengan Sultan Abdullah Kedah. Pendudukan sah Syarikat bermula dengan berkuat kuasa perjanjian pada 1 Mei 1791, setelah Kedah kalah perang; Kedah membenarkan Syarikat Hindia Timur Inggeris menduduki Pulau Pinang selagi Syarikat menduduki Pulau Pinang, dan Syarikat pula berjanji membayar enam ribu dolar Sepanyol tiap-tiap tahun kepada Kedah.

Bermula dari Pulau Pinang, Syarikat Hindia Timur Inggeris meluaskan pengaruhnya di Semenanjung Tanah Melayu. Syarikat campur tangan di Johor dan menduduki Singapura pada tahun 1819, dan Melaka pada tahun 1824, berkuat kuasa Perjanjian London (lebih dikenali sebagai Perjanjian Inggeris-Belanda) yang ditandatangani British dan Belanda pada 17 Mac 1824 di London. Seterusnya pada tahun 1832, Syarikat menakluki Nanning, dan memasukkan Nanning dalam pentadbiran Melaka.

Sementara pentadbiran British di India menyuarakan dasar tidak campur tangan tetapi apa yang berlaku, Syarikat Hindia Timur Inggeris berleluasa campur tangan dalam hal ehwal politik tempatan di Semenanjung Tanah Melayu. Dengan alasan kacau bilau di Tanah Melayu mengganggu perdagangan, dan desakan saudagar Negeri-negeri Selat supaya British mengambil langkah yang lebih positif, British mengambil langkah serta usaha campur tangan dalam negeri Melayu lain. Apabila perang saudara merebut jawatan Bendahara Pahang berlaku di antara Wan Ahmad dengan abangnya, Bendahara Wan Mutahir pada 1857 hingga 1863, British terlibat dalam persengketaan ini.

Kemudiannya berlaku perubahan penting dasar British terhadap negeri Melayu. Pada 1867, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka yang dirujuk British sebagai Negeri-negeri Selat diisytiharkan sebagai Tanah Jajahan British. Seterusnya sebuah badan dikenali sebagai Majlis Perundangan dibentuk di Singapura bagi membolehkan mereka meluluskan Undang-undang yang sesuai dengan cita rasa tempatan. Dalam pada itu berlaku kemajuan ekonomi, dan perkembangan pesat perdagangan kesan pembukaan Terusan Suez, dan penggunaan kapal wap. Selain itu, kegiatan perdagangan dengan Negeri-negeri Melayu telah membawa desakan saudagar supaya kerajaan British campur tangan. Dalam pada itu kepesatan keluaran barangan kilang, akibat perkembangan Revolusi Perusahaan menyebabkan England memerlukan kawasan untuk memasarkan hasil keluarannya. Seterusnya keistimewaan Tanah Melayu yang kaya simpanan bijih timah menambahkan minat lagi untuk British melibatkan diri dalam Negeri-negeri Melayu. Keinginan campur tangan ini didorong lagi oleh kekurangan bijih timah di England sendiri, di mana pengeluaran bijih timah di Cornwall telah pun kehabisan. Dengan itu bijih timah amat diperlukan untuk menampung kehendak perkembangan perusahaan mereka.

Dalam perkembangan lain, berlaku perubahan penting di England. Pada bulan September 1873, Earl of Kimberley, Setiusaha Jabatan Jajahan di London berpendapat adalah perlu mengubah dasar terhadap Tanah Melayu. Dalam perkembangan seterusnya, Andrew Clarke yang akan memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat diarahkan supaya membuat laporan mengenai negeri Melayu dan memperakukan langkah yang wajar boleh diambil oleh Jabatan

Tanah Jajahan. Langkah kerajaan British ini dipengaruhi oleh laporan daripada pegawai British di Tanah Melayu yang menyatakan bahawa kekacauan dalam negeri Melayu mengganggu kegiatan dan kelancaran ekonomi; juga pembesar tempatan ada berusaha untuk mendapatkan bantuan dari luar bagi mengatasi kekacauan tersebut. Dengan itu menggunakan alasan kebimbangan campur tangan kuasa barat lain dalam negeri Melayu menyebabkan langkah perubahan dasar perlu diambil. Apabila Sir Andrew Clarke mengambil alih teraju pentadbiran Negeri-negeri Selat daripada Sir Harry Ord pada 4 November 1873, beliau telah mengambil langkah ke arah campur tangan dalam negeri Melayu. Dalam satu perbincangan dengan W.H. Read, seorang saudagar berpengaruh di Negeri-negeri Selat pada 13 Disember 1873, Sir Andrew Clarke menyatakan keinginan campur tangan dalam negeri Melayu. Seterusnya Sir Andrew Clarke mengambil langkah menghantar Mejar Mcnair, Jurutera Tanah Jajahan dan Kapten Dunlop, Inspektor Jeneral Polis pada 7 Januari 1874 bagi mengatur perjumpaan pembesar Melayu.

Keadaan kacau bilau dalam negeri Melayu diambil kesempatan oleh British untuk memulakan langkah campur tangan. Pertempuran kongsi gelap Hai San dan Ghee di Larut; masalah takhta kerajaan di Perak, terutamanya persaingan di antara Raja Muda Abdullah dengan Sultan Ismail telah mengganggu kepentingan ekonomi British di Perak. Begitu juga persaingan antara Raja Mahdi dengan Raja Abdullah terhadap Klang, dan keadaan yang tidak selamat di perairan Selangor serta persaingan di antara Dato' Klana Sungai Ujong Syed Abdul Rahman (dikenali juga sebagai Syed Ahman) dengan Dato' Syahbandar Abdullah bin Ahmad (dikenali juga sebagai Dato' Abdullah Tunggal) menjadi alasan campur tangan untuk mengamankan keadaan. Sir Andrew Clarke memulakan perluasan kuasa British dengan menandatangani perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Perjanjian ini mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak dan Sultan Ismail dipencenkan. Selain daripada itu seorang Residen British akan ditempatkan di Perak, nasihatnya hendaklah diminta, dan diikuti dalam semua perkara kecuali adat Melayu dan agama Islam. Seterusnya, pada 21 April 1874, Dato' Klana Sungai Ujong Syed Abdul Rahman bersetuju menerima pengaruh British di Sungai Ujong. Begitu juga dengan Sultan Abdul Samad Selangor menyatakan kesediaan menerima pengaruh British pada 3 Oktober 1874. Di Perak, kerajaan British melantik James Wheeler Woodford Birch sebagai Residen British yang pertama, dan memegang jawatan tersebut pada 4 November 1874. Kapten Speedy pula dilantik sebagai Penolong Residen British, dan tinggal di Larut. Sementara itu, di Sungai Ujong pula, setelah berjaya mengalahkan tentangan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, pihak British menempatkan W.J.J. Tatham memegang jawatan Penolong Residen British. Kemudiannya jawatan ini digantikan oleh Patrick James Murray pada bulan April 1875. Dalam perkembangan lain, di Selangor pula, J.G. Davidson dilantik sebagai Residen, berkhidmat kepada Tengku Kudin; Frank Swettenham pula sebagai Penolong Residen berkhidmat kepada Sultan Abdul Samad.

Mulai 1874, British dengan resminya terlibat secara langsung dalam hal ehwal negeri tempatan. Campur tangan British dalam negeri Melayu yang dimulakan oleh Sir Andrew Clarke ini diteruskan oleh penggantinya, Sir William Jervois. Walaupun Jervois cuba meletakkan Pahang di bawah naungan British tetapi beliau gagal. Begitu juga dengan penggantinya, Sir William Robinson, juga tidak dapat meletakkan negeri Melayu lain ke dalam pengaruh British. Namun begitu pemangku Gabenor, A.E.H. Anson, sementara menunggu kedatangan Gabenor baru telah mengambil kesempatan kemangkatan Sultan Ali Johor pada tahun 1877 di Umbai, Melaka meletakkan Muar-Kesang kepunyaan Sultan Ali dan pengganti, berdasarkan perjanjian 10 Mac 1855 di antara Sultan Ali dengan Temenggung Seri Maharaja Ibrahim di bawah pentadbiran

sementara Maharaja Abu Bakar. British juga terlibat dalam pemilihan yang berlangsung di Kuala Kesang untuk menentukan pemerintah Muar. Dalam pemilihan yang berlangsung pada tahun 1877 ini, Temenggung dan Penghulu Muar sebulat suara memilih Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.

Sementara itu, ketika Sir Frederick Weld menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat mulai bulan Mei 1880, beliau menjalankan usaha untuk meluaskan lagi pengaruh British di Tanah Melayu. Sir Frederick Weld juga menjalankan usaha meluaskan pengaruh British di Negeri Sembilan, Pahang dan Johor. Pada 17 September 1887 Penghulu dan Pembesar Rembau menandatangani perjanjian bersetuju menyerahkan kutipan cukai kepada pegawai British yang dikenali dengan panggilan 'Pemungut Cukai dan Pengadil Mahkamah'. Walaupun pada 24 Ogos 1883, pembesar Jelebu (Yamtuan Muda dan Penghulu) bersetuju bahawa Residen Sungai Ujong akan membantu dalam urusan pentadbiran dan kutipan hasil, tetapi perjanjian yang ditandatangani pada bulan September 1883 di antara Penghulu dengan British bersetuju menerima seorang pegawai British menguruskan pentadbiran Jelebu. Dasar perluasan Sir Frederick Weld di Negeri Sembilan adalah menawarkan nasihat dalam negeri bukan terus menempatkan Residen British di sana. Sementara itu minat Sir Frederick Weld terdapat Pahang kerana keyakinan bahawa Pahang memiliki sumber galian yang kaya. Walaupun peluang campur tangan boleh dilakukan ketika Engku Wan Mansur melancarkan serangan pada tahun 1884 terhadap abangnya, Bendahara Wan Ahmad untuk merampas kuasa, tetapi Sir Cecil Smith, pemangku Gabenor tidak mengambil sebarang langkah kerana beliau meragui tuntutan Engku Wan Mansur. Apabila bertugas semula Sir Frederick Weld meneruskan usahanya. Beliau bersama rombongan datang ke Pekan pada bulan Mei 1886. Begitu juga beliau menghantar Hugh Clifford ke Pahang mempengaruhi Bendahara Wan Ahmad supaya menerima pengaruh British. Usaha Clifford berhasil apabila Bendahara Wan Ahmad memberi surat pada bulan Mac 1887 menyatakan kesanggupan menerima wakil British. Pada 8 Oktober 1887, perjanjian ditandatangani oleh Wan Ahmad, tetapi beliau mempunyai kuasa melantik dan memecat Wakil British. Wakil British hanya mempunyai kuasa menerima aduan orang Eropah. Walaupun Sir Frederick Weld tidak puas hati dengan pencapaian ini tetapi beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana jawatan Gabenor digantikan oleh Sir Cecil Smith pada bulan Oktober 1887. Gabenor Sir Cecil Smith meneruskan usaha mengukuhkan kedudukan British dan dipihak lain meluaskan lagi pengaruh British. Gabenor Sir Cecil Smith meneruskan usahanya di Pahang. Apabila Bendahara Wan Ahmad membatalkan konsesi Perbadanan Pahang Berhad dan pada bulan Februari 1888 berlakunya pembunuhan terhadap Goh Hui di kawasan berhampiran dengan istana dan isterinya pula ditahan di istana, yang dipercayai rakyat British, Gabenor Sir Cecil Smith mengambil peluang ini dengan menekan Bendahara Wan Ahmad menanikkan taraf Wakil British sebagai Residen untuk memastikan supaya kejadian seperti tidak akan berulang lagi. Walaupun Bendahara Wan Ahmad enggan menerima cadangan British tetapi akhirnya pada 24 Ogos 1888 beliau menyatakan kesanggupan menerima seorang Residen British. Berikutnya J.P. Rodger dilantik sebagai Residen Pahang pada tahun 1889.

Menjelang akhir kurun ke-19, negeri Melayu, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor yang belum menerima pengaruh British. Kegiatan Perancis di Indo-China amat membimbangkan British. British curiga sekiranya Siam dipengaruhi oleh Perancis, perdagangan British akan menghadapi masalah, seperti tanggungan tarif daripada Perancis. Sementara itu akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 terdapat kegiatan kuasa barat lain seperti Rusia, Jerman dan Amerika untuk mendapatkan tapak di Semenanjung Tanah Melayu. Jerman pernah mencuba mendapatkan Pulau Langkawi; manakala Amerika cuba mendapatkan tempat di Terengganu.

Untuk memastikan kepentingannya di Tanah Melayu, British menandatangani perjanjian dengan kerajaan Siam. Pada tahun 1897 perjanjian rahsia ditandatangani di antara British dengan Siam. Secara tidak jelas British mengakui kekuasaan Siam terhadap negeri Melayu; dan Siam memberi kepastian tidak akan memindahkan kuasanya terhadap negeri tersebut tanpa pengetahuan British. Pada tahun 1899 pula perjanjian sempadan ditandatangani oleh British dengan Siam. Dalam perjanjian ini British mengakui Reman sebagai wilayah Siam; manakala Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu adalah jajahan takluk Siam. Pihak British kemudiannya menjalankan usaha lagi dan hasilnya terikat perjanjian British-Siam pada 6 Oktober 1902. Dalam perjanjian ini Siam akan menguasai hubungan luar Kelantan dan Terengganu dan seorang penasihat akan dilantik dalam bidang tidak termasuk agama dan adat Melayu. Perjanjian ini ditentang oleh Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) Terengganu; tetapi Sultan Muhammad IV (1900-1920) Kelantan menerima Penasihat Siam pada tahun 1903. Jawatan Penasihat di Kelantan ini disandang oleh bangsa British, W.A. Graham. Usaha seterusnya dijalankan mempengaruhi kerajaan Siam menyerahkan negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada kerajaan British. Akhirnya melalui Perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada 9 Julai 1909 di antara kerajaan British dengan Siam negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada kerajaan British. Kedah dan Perlis menerima penasihat British pada tahun 1909. Kelantan dan Terengganu tidak mengiktirafkan perjanjian ini, menyebabkan Kelantan menandatangani perjanjian dengan kerajaan British pada tahun 1910 menerima Penasihat British. Dalam pada itu Terengganu yang menandatangani perjanjian dengan kerajaan British pada tahun 1910, hanya menerima pegawai British sebagai Wakil British. Sementara itu kegiatan untuk meletakkan Johor di bawah pengaruh British yang dirintis oleh Sir Frederick Weld tidak menghasil kejayaan kerana pada tahun 1885, melalui perjanjian Kerajaan Johor dengan Great Britain, Maharaja diakui oleh British sebagai Sultan Johor. Kemudiannya Maharaja Abu Bakar mengukuhkan lagi kedudukannya dengan meluluskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor pada tahun 1895. Gabenor Sir Cecil Smith, pengganti Sir Frederick Weld tidak menjalankan usaha yang bersungguh untuk meletakkan Johor di bawah naungan British. Walaupun demikian pihak British masih menjalankan usaha memujuk Johor menerima pengaruh British. Usaha ini dilakukan dengan giat di masa Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Gabenor Negeri-negeri Selat Sir John Anderson. Akhirnya pada bulan Oktober 1909 Sultan Ibrahim, putera Sultan Abu Bakar menyatakan kesanggupan menerima seorang Penasihat British. Jawatan ini disandang oleh D.G. Campbell, bekas Residen Negeri Sembilan. Pihak British masih tidak puas hati dengan jawatan ini, kerana pegawai British menghadapi kesukaran mempengaruhi Sultan Ibrahim mengikut nasihat. Dengan itu pada tahun 1913, dengan persetujuan Sultan Ibrahim, Suruhanjaya Penyiasat mengenai keadaan penjara dibentuk. Suruhanjaya ini dalam laporannya menyatakan wujudnya penyelewengan dalam pentadbiran. Akhirnya pihak British mendesak Sultan Ibrahim menerima Penasihat British. Dengan itu pada bulan Mei 1914, kerajaan Johor menerima Penasihat British.

Pelantikan Wakil British di Terengganu juga melahir rasa tidak puas hati British kerana tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran. Dengan itu pihak British membentuk Suruhanjaya pada tahun 1918 menyasihat terhadap keadaan pentadbiran penjara di Kuala Terengganu dan Kemaman. Suruhanjaya ini memperakukan hanya campur tangan British sahaja pentadbiran Terengganu akan berjalan dengan baik. Akhirnya pada tahun 1919, kerajaan Terengganu menandatangani perjanjian dengan kerajaan British menerima Penasihat British. seluruh Tanah Melayu menerima pengaruh British. Dengan itu, kini British terlibat dalam pentadbiran negeri Melayu.

Penglibatan dan campur tangan British dalam hal-ehwal negeri Sarawak bermula dengan pentadbiran Raja James Brooke di Sarawak pada 1841. Borneo Utara atau Sabah pula bermula dengan penglibatan pemodal persendirian mendapat konsesi daripada Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Lee Moses mendapat konsesi di Sabah pada 1865 daripada Kesultanan Brunei, dan kemudiannya bertukar tangan, akhirnya kepada Overbeck dan Alfred Dent yang kemudiannya membentuk kompeni, dikenali sebagai Kompeni Borneo Utara, mendapat Piagam pada 1881 daripada Kerajaan Baginda Raja mentadbir Borneo Utara.

Sarawak ditadbir James Brooke, berkuat kuasa perjanjian yang dibuat oleh Duli Pengiran Muda Hashim ibni almarhum al-sultan Muhammad Kanzul Alam pada pukul 12, Rabu 30 haribulan Rajab 1257 (16 September 1841), dan ditandatangani di Negeri Sarawak pada malam Jumaat 29 Syaban 1257 (15 Oktober 1841).¹

Setelah bertapak di Sarawak pada 1841, James Brooke, dan kemudiannya pengganti beliau, Charles Brooke mengambil pelbagai usaha dan langkah untuk meluaskan wilayah Sarawak. Dalam merealisasikan hasrat ini, James Brooke dan Charles Brooke terlibat dalam politik Brunei. Dalam hal ini, berlaku penyerahan berperingkat-peringkat wilayah Brunei kepada Sarawak oleh Sultan Brunei. Pada 1846, Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II menandatangani perjanjian bertarikh 23 Ogos 1846 (30 Shaban 1262) memberi kuasa kepada James Brooke Raja Sarawak, atau keluarganya yang disuruh mengusahakan arang batu di mana-mana kawasan di antara negeri Mengkabong hingga Tanjung Baram. Dalam perjanjian ini disebut, sebaik sahaja kerja bermula, James Brooke dikehendaki membayar dua ribu ringgit, dan seterusnya satu ribu ringgit setahun.² Pada 1853, berkuat-kuasa Perjanjian 17 haribulan Zulkaedah 1269 (22 Ogos 1853), Duli Sultan Abdul Momin Ibni almarhum Abdul Wahab menyerahkan tujuh negeri pesisir, "...pertama Rajang, kedua Kuala Kalaka, ketiga Saribas, keempat Lingga, kelima Skrang, keenam Sadong, ketujuh Samarahan meminta tolong merundingkan kehasilannya kepada tuan besar Sir James Brooke Raja Sarawak dan..."³ Ketika pemerintahan Sultan Abdul Momin berlaku perselisihan di Mukah di antara Pengiran Arshad dengan Pengiran Nipa. Persaingan ini membawa campur tangan James Brooke. Dalam usaha menyelesaikan perselisihan ini, Sultan Abdul Momin kemudiannya menyerahkan kawasan dari Sungai Samarahan hingga ke Tanjung Kidurong kepada James Brooke pada September 1861.

Ketika Charles Brooke sebagai Raja, wilayah Sarawak menganjur dari Tanjung Datu hingga Tanjung Kidurung. Pada 13 Jun 1882, pula, Charles Brooke berjaya mengambil wilayah Brunei dari Tanjung Kidurung hingga Baram, ganti rugi Sultan Brunei terhadap kes bunuh beberapa orang pedagang Sarawak di Baram pada tahun 1873 dahulu. Penyerahan wilayah ini disetujui Sultan Abdul Momin, dan Baginda dibayar \$3,000 setahun; manakala

1 Arkib Negeri Sarawak, Perjanjian yang dimeterai oleh Duli Pengiran Muda Hashim ibni al-marhum al-Sultan Muhammad Katarul Alam, Sarawak, malam Jumaat, 29 Syaban 1257 (15 Oktober 1841).

2 "...Sultan Omar Ali Omar Saifuddin ibni al-Sultan Muhammad Jamalul Alam al-marhum di dalam negeri Brunei perjanjian membarikan batu harang daripada negeri Mengkabong sehingga Tanjung Baram kepada Tuan Besar James Brooke eskoyar Raja Sarawak mana-mana tempatnya kerja atau mana-mana barang segala keluarganya yang disuruhkannya oleh tuan besar melainkan Tuan Sultan tiada peduli akan tetapi jika sudah tuan besar kerja awal mula-mula kerja kita kasi pada Tuan Sultan dua ribu ringgit sudah musim di belakang kasi pada Tuan Sultan seribu ringgit satu musim demikianlah adanya". CO144 Vol. 10, Geran Sultan Brunei kepada James Brooke, 23 Ogos 1846. *CORRESPONDENCE RESPECTING THE EASTERN ARCHIPELAGO COMPANY*. Presented to the House of Commons by Command of Her Majesty, in pursuance of their Address of February 9, 1852, London: Printed by Harrison and Son.

3 Arkib Negeri Sarawak, Surat Perjanjian dan Penyerahan, 17 Zulkaedah 1269 (22 Ogos 1853).

Temenggong, \$2,000 setahun. Seterusnya pada 1884, Sarawak menguasai Trusan yang diserahkan oleh Sultan Hashim Jalilul Aqamaddin dengan bayaran sugu hati kepada Baginda sebanyak \$4,500 setahun. Pada 1885, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin menyerahkan Trusan kepada Charles Brooke. Kemudiannya, pada Mac 1890, Raja Sarawak, Charles Brooke mengilhakkan Limbang sebagai wilayah Sarawak. Seterusnya pada 1904, Kompeni British Borneo Utara dengan murah hati menyerahkan Lawas, miliknya kepada Sarawak. Pindahan kuasa ini diiktiraf Pejabat Luar, dan Lawas dengan rasminya menjadi sebahagian daripada negeri Sarawak.⁴

Dalam perkembangan di Sabah pula, pada 11 Ogos 1865, Sultan Abdul Momin memajak kawasan dari Sulaman hingga ke Paitan, pantai barat Sabah kepada Lee Moses, Konsul Amerika di Brunei. Langkah ini diambil untuk mengimbangi kuasa James Brooke di Sarawak.⁵ Kemudiannya Lee Moses pula menyerahkan kawasan yang dipajaknya itu selama 10 tahun kepada sebuah Syarikat Amerika Syarikat,⁶ The American Trading Company berpangkalan di Hong Kong yang diuruskan oleh William Torrey.

Tidak lama menguruskan kawasan tersebut, William Torrey menjual konsesinya itu kepada pengusaha berbangsa Austria, konsul besar Austria di Hong Kong, Baron von Overbeck. Overbeck pula berkongsi dengan Alfred Dent, saudagar British. Ketika mereka membeli pajakan ini, tempohnya sudah hampir tamat. Dengan itu, pada 1877 Overbeck datang ke Brunei untuk memperbaharui kontrak pajakan. Ketika berada di Brunei, Overbeck berjaya memperbaharui kontrak itu. Pada 23 Zulhijah 1294 bersamaan 29 Disember 1877, Sultan Abdul Momin mengeluarkan surat janji pajak yang dicap oleh Sultan Abdul Momin Ibnu al-Marhum Seri Paduka Maulana Abdul Wahab Brunei, dan Pengiran Temenggong Hashim Ibnu al-Marhum Maulana Sultan Omar Ali Saifuddin Brunei kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent. Dalam surat ini dinyatakan Sultan Abdul Momin, Sultan Brunei memajakkan kepada Gustavus Baron de Overbeck yang tinggal di Hong Kong, dan kepada Alfred Dent Esquire yang tinggal di London bersama-sama dan kepada kongsinya dan kepada penggantinya dan kepada wakilnya jajahan Paitan, Sugut, Bonggaya, Labok, Sandakan, Chinabatangan, Mumiang dan segala jajahan di sepanjang Sungai Sibuku bersama pulau-pulau di dalam kawasan sembilan batu dari tepi laut. Di atas pajakan ini, Overbeck dan Alfred Dent dikehendaki membayar tiap-tiap tahun kepada Sultan dan penggantinya sebanyak dua ribu ringgit. Dalam pada itu dinyatakan juga Overbeck, Alfred Dent atau wakilnya boleh memajak kawasan tersebut selama mereka mahu. Namun begitu jika mereka gagal membayar hasil dalam tempoh tiga tahun, mereka memecah amanah, dan dengan itu Sultan boleh menarik balik hak pajakan tersebut.⁷

Mulai daripada pajakan itu, Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent mendapat konsesi di Sabah daripada Sultan dan Pembesar Brunei. Misalnya dalam surat pajakan

4 Ipoi Datan, Peranan Raja Charles Brooke Dalam Sejarah Satawak: Pentadbiran dan Pemerintahan, AE300 Kursus Penulisan Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979/80, hlm. 33-35.

5 Haji Awang Asbol bin Haji Mail, Kesultanan Brunei Abad Ke Sembilan Belas: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran.

6 Siti Rosnah Haji Ahmad, *Pemerintah dan Pemimpin Kerajaan-Kerajaan Negeri*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd., 2003, hlm. 103.

7 CO 847/54, British North Borneo Company Papers, 3, Surat Pajakan Sultan Abdul Momin Kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent, 23 Zulhijah 1294 (29 Disember 1877).

Pengiran Temenggong Hashim Kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent, 23 Zulhijah 1294 (29 Disember 1877) yang dicap oleh Pengiran Temenggong Hashim Ibn al-Marhum Seri Paduka Maulana Sultan Omar Ali Saifuddin mencatatkan yang Pengiran Temenggong Sahibulbahar Ibn al-Marhum Seri Paduka Maulana as-Sultan Omar Ali yang memegang perintah di dalam negeri Brunei memajakkan kepada Gustavus Baron de Overbeck yang tinggal di Hong Kong dan kepada Alfred Dent Esquire yang tinggal di London bersama-sama dan kepada kongsinya dan kepada penggantinya dan kepada wakilnya pesisir Kimanis dan Benoni di sebelah barat laut negeri Brunei kira-kira sembilan batu dari tepi laut.

Dalam pada itu dinyatakan “Adapun sebab dianugerahkan pajakan ini, maka Tuan Gustavus Baron de Overbeck bersama-sama Alfred Dent Esquire berjanji membayar kepada Pengiran Temenggong dan kepada waris-warisnya dan kepada wakilnya tiga ribu ringgit pada satu tahun akan dibayar pada tiap-tiap tahun”. Namun begitu perjanjian ini terbatal jika sekiranya mereka tidak membayar hasil dalam tempoh tiga tahun, dan seterusnya Duli Yang Dipertuan boleh mengambil balik kawasan pajakan tersebut.⁸

Dalam pada itu Overbeck mendapat maklumat Sultan Sulu juga mempunyai hak ke atas Sabah. Dengan itu beliau berangkat ke Jolo, ibu kota Sulu menghadap Sultan Sulu untuk mendapatkan konsesi di Sabah. Sebagaimana di Brunei, Overbeck berjaya menandatangani perjanjian dengan Sultan Sulu pada tahun 1878, dan Sultan Sulu menyerahkan kawasan baginda di Sabah ke Overbeck. Namun begitu sebagai menjaga kepentingan baginda di Sabah dinyatakan bahawa kawasan yang dikuasai oleh kompeni Overbeck tidak boleh dijual kepada orang lain.⁹

Kemudiannya Alfred Dent memohon piagam daripada kerajaan British. Kerajaan British bersetuju memberi piagam kepadanya pada tahun 1881, dan membentuk Syarikat British Borneo Utara dan berkuasa mentadbir Sabah. Oleh kerana kompeni yang baru dibentuk ini adalah Kompeni British, Baron von Overbeck menarik diri. Seterusnya Sabah diletakkan di bawah pentadbiran gabenor. Jawatan gabenor yang pertama disandang oleh William Hood Treacher, yang juga Gabenor Labuan. Dalam pada itu Sabah ditadbirkan oleh sebuah Majlis yang mana anggotanya terdiri daripada Setiausaha Kerajaan, Bendahari, Ketua Pasukan Keselamatan dan pegawai kanan kompeni.

Kini Sabah di bawah pentadbiran Kompeni. Sabah dibahagikan kepada beberapa bahagian yang dikenali sebagai Residensi. Di tiap-tiap residensi dilantik seorang residen untuk menguruskan pentadbiran. Di tiap-tiap residensi pula dibahagikan kepada beberapa daerah; diketuai oleh Pegawai Daerah. Seterusnya pada tahun 1888, Sabah menjadi negeri lindungan British (*British Protectorate*), dan pentadbirannya diuruskan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat.

Kemudiannya Kompeni mendapat konsesi lagi daripada Sultan Brunei pada 7 September 1901. Dalam surat perjanjian kali ini, di antara Seri Paduka Duli Yang Dipertuan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dengan E.W. Birch, Gabenor Labuan dan Jajahan Negeri Sabah, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin menyerahkan kepada Kompeni segala hak dan kuasa raja terhadap kawasan di antara Sungai Sipitang dengan Terusan, termasuk di dalamnya Sungai Merintaman, Mengalong, Merapok, Lawas, Sari, Punang, Lumut (Siang-Siang), Kabap, Putus, Pelait, Bumbun dan Langareh, serta tanah, laut, teluk dan sungai

8 CO 847/54, British North Borneo Company Papers, 5, Surat Pajakan Pengiran Temenggong Hashim Kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent, 23 Zulhijah 1294 (29 Disember 1877).
9 Siti Rosnah Haji Ahmad, *Pemerintah dan Pemimpin Kerajaan-Kerajaan Negeri*, hlm. 104.

sebelah utara Terusan. Kompeni pula berjanji akan membayar \$600.00 setahun, pada tiap-tiap tahun kepada Sultan Brunei.¹⁰ Kegiatan pemajakan dan penyerahan ini menyebabkan Sabah akhirnya dikuasai Kompeni Borneo Utara.

Pentadbiran British di Malaysia terhenti sementara dari 1942 hingga 1945. Pada tempoh ini tentera Jepun mentadbir negeri Melayu. Ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, kerajaan British di London merancang bentuk dan struktur pentadbiran di Tanah Melayu apabila mereka kembali berkuasa nanti. Dalam hal ini kerajaan baginda raja berkenan pelaksanaan Malayan Union di negeri Melayu, dan Sarawak serta Sabah sebagai jajahan mahkota British.

Pelaksanaan Malayan Union dan Mahkota Jajahan British

Apabila tentera Jepun menyerah kalah pada 1945, kerajaan British melalui tentera memerintah Malaysia. Tentera British British mentadbir negeri Melayu, dan tentera Australia menguruskan pentadbiran Sarawak dan Sabah. Malayan Union adalah satu bentuk pentadbiran yang diputuskan kerajaan baginda raja bagi menguruskan pentadbiran negeri Melayu apabila kembali mentadbir semula negeri Melayu yang diduduki oleh tentera Jepun. Raja Melayu akan menjadi sebuah badan yang akan menasihati Gabenor dalam semua hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu sebelum perkara tersebut dibincangkan dalam badan Perundangan Kesatuan (*Union*).¹¹ Dalam pentadbiran Malayan Union yang dicadangkan itu, Baginda Raja (King) mesti mempunyai kuasa perundangan (*Jurisdiction*) dalam negeri Melayu bagi membolehkan baginda untuk melaksanakan undang-undang di bawah Akta Perundangan Asing (*Foreign Jurisdiction Act*). Namun demikian Baginda Raja akan senantiasa mengambil ingatan terhadap kedudukan Raja Melayu sebagai ketua tradisional dan roh orang Melayu. Sehubungan itu Raja Melayu akan menjadi pengerusi Majlis Penasihat Melayu di negeri masing-masing. Ahli majlis tersebut akan dilantik oleh masing-masing Raja, tetapi dengan kelulusan Gabenor. Tugas utama majlis ini segala hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu.¹² Selain itu majlis ini akan juga menasihati Raja dalam semua perkara berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam penggubalan undang-undang berkaitan agama Islam; menasihati Raja dalam semua perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Raja atau Residen Komisioner dengan persetujuan Gabenor. Namun begitu segala undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Melayu di peringkat negeri akan dipertimbang dalam Majlis Sultan, yang ahlinya: Gabenor sebagai Pengerusi, Raja Melayu, Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kewangan.¹³

-
- 10 CO 847/54, British North Borneo Company Papers, 20, Perjanjian Seri Paduka Duli Yang Dipertuan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dengan E.W. Birch, Gabenor Labuan dan Jajahan Negeri Sabah, 7 September 1901.
 - 11 Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, Singapore: Oxford University Press, 1995, hlm. 46.
 - 12 T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Statement of Policy on Future Constitution, hlm. 4.
 - 13 T 220/54, Formation of Malayan Union and Singapore Colony, MALAYAN UNION AND SINGAPORE Summary of Proposed Constitutional Arrangements?, March 1946, hlm. 5; Statutory Rules and Orders 1946 No. 463 FOREIGN JURISDICTION The Malayan Union Order in Council 1946. At the Court at Buckingham Palace, the 27th day of March, 1946, hlm. 13: 21.

Dalam usaha ke arah menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkota British, berbagai cadangan dikemukakan jawatankuasa kabinet perang. Antaranya berunding dengan Raja Sarawak, Vynner Brooke bagi mendapatkan persetujuan menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Satu hal yang perlu diambil perhatian bahawa ketika Jepun menduduki Sarawak, kerajaan British di bawah Kabinet Perang menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk meneliti dan memperakukan dasar yang sesuai untuk dilaksanakan di Sarawak selepas perang nanti. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Unit Perancangan Borneo (*The Borneo Planning Unit*), dan C.F.C. Macaskie, mantan Ketua Hakim Borneo dilantik sebagai Ketua Unit, serta Ketua Halehwal Awam Borneo pada Oktober 1943. Matlamat utama unit ini mencadangkan bentuk pentadbiran Borneo selepas perang. Dalam hal Sarawak, seperti juga Sabah, dan Brunei dicadangkan kerajaan baginda Raja berkuasa penuh dalam pentadbiran negeri tersebut.¹⁴ Selain itu Unit ini juga dikehendaki merancang Sarawak, Borneo Utara, Brunei dan Labuan diletakkan di bawah satu pusat pentadbiran, serta perkembangan politik dan kemajuan sosial akan datang tidak bercanggah dengan dasar kolonial.¹⁵

Sementara itu Jawatankuasa Dasar Terhadap Malaya dan Borneo Kabinet Perang (*War Cabinet Committee on Policy Regard to Malaya and Borneo*) yang bersidang pada 6 Januari 1944 meluluskan dibentuk sebuah Jawatankuasa Menteri untuk menimbangkan kertas cadangan Dasar Perlembagaan Masa Depan Bagi Malaya dan Borneo yang akan dikemukakan oleh Setiausaha Tanah Jajahan dan Setiausaha Tanah Jajahan Bagi Perang untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Perang bagi melaksanakan dasarnya. Jawatankuasa yang dibentuk itu terdiri daripada: Presiden Majlis, sebagai Pengerusi; Setiausaha Negara Bagi Halehwal Wilayah Pemerintahan (*Dominion*); Setiausaha Negara Bagi India, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, Setiausaha Negara Bagi Perang, dan Setiausaha Parlimen Bagi Halehwal Luar. Manakala Setiausaha jawatankuasa ini, setiausaha bersama dari Pejabat Kabinet Perang dan Pejabat Tanah Jajahan.¹⁶

Sebuah Jawatankuasa bernama Jawatankuasa Perang mengenai Malaya dan Borneo (*War Cabinet Committee on Malaya and Borneo*) dibentuk. Jawatankuasa ini bermesyuarat pada 18 Januari 1944, memperakukan pemulihan sistem perundangan dan pentadbiran sebelum perang untuk mencapai kepentingan keselamatan, dan seiring dengan pengisytiharan British menggalakkan kemajuan sosial, ekonomi, dan politik dalam jajahan kolonial. Jawatankuasa ini percaya, matlamat ini hanya boleh dicapai melalui penyerahan kepada Raja Inggeris, seluruh bidang kuat kuasa perundangan dalam negeri Sarawak dan Tanah Melayu.¹⁷ Dalam pada itu cara paling berkesan mencapai jurisdiksi penuh Sarawak hanya mengikat perjanjian baru dengan Raja Sarawak dan Raja negeri Melayu. Seterusnya

14 R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 172-173.

15 Naimah S. Talib, *Administrators and Their Service: The Sarawak Administrative Service under the Brooke Rajahs and British Colonial Rule*, Shah Alam: Oxford University Press, 1999, hlm. 99.

16 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], C.M.B. (44) 1, War Cabinet Committee on Policy in Regard to Malaya and Borneo, E.E. Bridges, Setiausaha Kabinet Perang, "Note by the Secretary of the War Cabinet", 12 Januari 1944.

17 CAB 98/41, C.M.B. (44) 6, 18th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Policy in Borneo", hlm. 28.

dengan cara ini Raja Inggeris boleh melaksanakan peraturan terhadap Tanah Melayu dan Sarawak berdasarkan *Foreign Jurisdiction Act*.¹⁸

Jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Kabinet Perang Mengenai Malaya dan Borneo (*War Cabinet Committee on Malaya and Borneo*). Jawatankuasa ini bersidang pada hari Rabu, 22 Mac 1944, pukul 4.00 petang di bilik Timbalan Perdana Menteri, *House of Commons*, dan dipengerusikan oleh C.R. Attlee. Mereka yang hadir: L.S. Amery, Setiausaha Tanah Jajahan bagi India; Cliver Stanley, Setiausaha Tanah Jajahan; Sir James Crigg, Setiausaha Negeri bagi Perang, dan Sir Donald Somevell, Peguam Negara. Juga turut hadir, P.V. Emrys-Evans, *Parliamentary Under Secretary of State for Dominion Affairs*, H. Ashley Clarke, Pejabat Luar, G.E.J. Gent, Pejabat Kolonial, dan Sir Gilbert Laithwhite, Pejabat Kabinet Perang, dan Setiausaha, E.H.T. Wiltshire dan W.B.L. Monson. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan Sir Donald Somevell, Peguam Negara yang menyatakan adalah perlu membuat rundingan semula untuk pengilhakan. Seterusnya Jawatankuasa menjemput Setiausaha Tanah Jajahan menyediakan kertas cadangan untuk disebarikan bagi maklumat Jawatankuasa.¹⁹ Memang pegawai British di London menyedari bahawa negeri Sarawak adalah negeri lindungan²⁰ di bawah kedaulatan Raja Brooke. Walaupun negeri Sarawak di bawah perlindungan Raja Inggeris (*His Majesty*), tetapi Raja tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam pentadbiran. Oleh itu dalam usaha membolehkan Raja memerintah Sarawak di bawah *Foreign Jurisdiction Act*, negeri Sarawak hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada *His Majesty*.²¹

Jawatankuasa ini bersidang kali kedua di No. 11, Downing Street, pada hari Khamis, pukul 5.30 petang, 19 Disember 1944. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh C.R. Attlee. Antara lain jawatankuasa ini membincangkan kaedah berunding memindahkan Sarawak kepada kerajaan British. Selain itu jawatankuasa ini juga membincangkan hal berhubung menyediakan memorandum tentang dasar masa depan perlembagaan bagi kawasan jajahan British untuk dikemukakan kepada Setiausaha Tanah Jajahan.²²

Dalam laporan berjudul Dasar Perlembagaan Masa Depan Bagi Tanah Jajahan British di Asia Tenggara (*Future Constitutional Policy For British Colonial Territories in Southeast Asia*) dinyatakan pentadbiran Tanah Melayu dan Negeri Lindungan British di Borneo selepas tamat pendudukan Jepun di bawah pentadbiran tentera. Tetapi di Tanah Melayu akan diletakkan di bawah pentadbiran Ketua Pegawai Halehwal Awam (*Chief Affairs*

18 CAB 98/41, C.M.B. (44) 6, 18th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Policy in Borneo", hlm. 29.

19 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], "Minute of the First Meeting of the Committee held in the Deputy Prime Minister's Room, House of Commons, on Wednesday, 22nd March 1944 at 4.0 p.m." Dasar yang sama juga dibincangkan mengenai Tanah Melayu, Borneo Utara dan Brunei.

20 Sarawak menjadi negeri Lindungan British melalui perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1888. Artikel I Perjanjian itu mencatatkan "The States of Sarawak shall continue to be governed and administered by the said Raja Brooke and his successors as an independent State under the protection of Great Britain; but such protection shall confer no right on Her Majesty's Government to interfere with the internal administration of that State further than is herein provided". Bujang Bin Mohammed Nor, *The Cession of Sarawak to Great Britain 1946*, Kuching: Rassnorm Sdn. Bhd., 1999, hlm. 72.

21 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], hlm. 4-5

22 CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], C.M.B. (44) 1, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo, "Minute of the second meeting of the Committee held in No. 11, Downing Street, on Thursday 19th December 1945.

Officer). Langkah dan proses ini hendaklah juga diambil terhadap Sarawak.²³ Walaupun Sarawak di bawah kedaulatan Raja Brooke, tetapi hakikatnya, Sarawak adalah negeri Lindungan British (*Protected State*). Oleh sebab itu sehingga tahun 1940, seorang pegawai British bertindak sebagai penghubung di antara kerajaan British dengan kerajaan Sarawak. Namun begitu kerajaan British tidak mempunyai hak untuk terlibat dalam hal-hal dalam negeri Sarawak.²⁴

Pengambilan Sarawak daripada Rajanya, dan akan dijadikan sebagai Jajahan Mahkota British, melalui perjanjian penyerahan adalah keputusan kerajaan baginda raja. Begitu juga menjadikan Tanah Melayu sebagai Malayan Union dan mendapatkan kuasa Raja Melayu melalui perjanjian menyerahkan kuasa kepada Raja Inggeris adalah keputusan kerajaan baginda raja. Dengan itu segala proses yang berlaku di Sarawak dan Tanah Melayu, ke arah pengabsahan Sarawak sebagai Jajahan Mahkota British, dan pelaksanaan Malayan Union adalah rancangan kerajaan baginda raja.

Setelah Jepun menyerah kalah, negeri Melayu diletakkan di bawah pentadbiran tentera British (*British Military Administration*). Namun begitu jawatan utama dalam pentadbiran ini bergelar Ketua Pegawai Halehwal Awam Malaya. Setelah membuat keputusan akan melaksanakan Malayan Union, kerajaan British mengarahkan H.C. Willan, Timbalan Ketua Pegawai Halehwal Awam Malaya merintis jalan menghadap Raja Melayu bagi mendapatkan pandangan dan pengakuan. Tugas ini dilakukan oleh H.C. Willan dari 8 hingga 29 September 1945. Sebagaimana cadangan, Raja pertama yang perlu dikunjungi itu Sultan Ibrahim Johor, kerana disifatkan sebagai Raja Melayu yang paling hebat berbanding Raja Melayu lain menyebabkan H.C. Willan bergerak ke Johor dahulu. Selepas berbincang dengan Sultan Ibrahim, H.C. Willan menyimpulkan Sultan Ibrahim bersedia berkerjasama dengan British dan menandatangani perjanjian.

Kemudiannya H.C. Willan berlepas ke Selangor menghadap Sultan Musaeddin, dan menyatakan baginda tidak diiktiraf sebagai Sultan Selangor. Sultan Musaeddin diarahkan ke Kuala Lumpur, dan kemudiannya dibuang ke Pulau Kokos. Dengan itu H.C. Willan menghadap Sultan Hishamuddin Alam Shah yang diiktiraf semula sebagai Sultan Selangor. Hasil perbincangan dengan Sultan Hishamuddin Alam Shah, H.C. Willan yakin baginda akan menurunkan tandatangan ke atas perjanjian. Rombongan H.C. Willan ke Kedah menghadap Sultan Badlishah. Juga H.C. Willan yakin Sultan Badlishah akan menurunkan tandatangan ke atas perjanjian. Seterusnya H.C. Willan ke Arau, Perlis. Di sin beliau bertemu Syed Husin, Setiausaha Kerajaan Perlis, dan meminta Syed Husin memaklumkan kepada kekandanya Raja Perlis, Syed Hamzah yang British tidak mengiktirafkan baginda. Seterusnya H.C. Willan ke Kangar bertemu Syed Putera, dan beliau melaporkan Syed Putera adalah penyokong British. Kemudiannya H.C. Willan ke Perak menghadap Sultan Abdul Aziz. Seterusnya H.C. Willan menghadap Yamtuan Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman pada 23 September 1945, dan Sultan Abu Bakar Pahang pada 28 September 1945. Berikutnya H.C. Willan ke Kuala Terengganu, dan di sini beliau bertemu dengan Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud, Menteri Besar. Dalam pertemuan tersebut, H.C. Willan

23 CAB 98/41, C.M.B. (44) 3, 14th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Future Constitutional Policy For British Colonial Territorial in Southeast Asia", hlm. 17.

24 CAB 98/41, C.M.B. (44) 3, 14th January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Future Constitutional Policy For British Colonial Territorial in Southeast Asia", hlm. 20.

difahamkan Sultan Ali tidak disukai penduduk Terengganu. H.C. Willan hanya sekejap sahaja berbincang dengan Sultan Ali. Beliau berpendapat Sultan Ali tidak berkelayakan, dan calon yang layak menggantikan baginda Tengku Aziz atau Tengku Paduka Ismail. Bagi H.C. Willan, kedua-dua tidak mendatangkan masalah kerana bersedia menandatangani perjanjian. Kemudian H.C. Willan ke Kelantan menghadap Sultan Ibrahim. Setelah berbincang, H.C. Willan menyimpulkan Sultan Ibrahim adalah penyokong British dan bersedia menandatangani perjanjian. Jejak H.C. Willan ini sangat penting kerana beliau adalah orang yang bertanggungjawab mempengaruhi Raja Melayu bersedia menurunkan tandatangan ke atas perjanjian. Oleh sebab itu Sir Harold MacMichael tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan tandatangan ke atas perjanjian melaksanakan Malayan Union daripada Raja Melayu.

Tindakan kerajaan British untuk Malayan Union selanjutnya ialah menghantar wakilnya, Sir Harold McMichael menghadap tiap-tiap Raja Melayu untuk mendapatkan tandatangan ke atas perjanjian bersetuju melaksanakan Malayan Union. Sir Harold MacMichael sebagai Wakil Khas Kerajaan Baginda King United Kingdom dan Northern Ireland memulakan lawatan tugasnya di Johor pada 18 Oktober 1945 menghadap Sultan Ibrahim. Seterusnya Sultan Ibrahim menurunkan tandatangan ke atas perjanjian pada 20 Oktober 1945. Sir Harold MacMichael ke Selangor pada 23 Oktober 1945, dan Sultan Hishamuddin Alam Shah menandatangani perjanjian pada 24 Oktober 1945. Seterusnya Sir Harold McMichael ke Pahang menghadap Sultan Pahang pada 31 Oktober 1945, dan Sultan Abu Bakar menurunkan tandatangan pada 2 November 1945. Kemudian Sir Harold MacMichael bertolak ke Negeri Sembilan. Di sini MacMichael berbincang dengan Yamtuan Negeri Sembilan dan empat Undang pada 13 November 1945, dan perjanjian ditandatangani pada 14 November 1945. Seterusnya Sir Harold MacMichael ke Perak dan berbincang dengan Sultan Abdul Aziz pada 20 November 1945. berikutnya Sultan Abdul Aziz menurunkan tandatangan ke atas perjanjian pada 22 November 1945. Dari Perak Sir Harold MacMichael pulang ke Kuala Lumpur. Kemudian Sir Harold MacMichael ke Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Dalam pertemuan yang berlangsung itu, Sultan Kedah pada 2 Disember 1945, Raja Perlis pada 4 Disember 1945, Sultan Kelantan pada 17 Disember 1945 dan Sultan Terengganu pada 21 November 1945 menurunkan tandatangan masing-masing ke atas perjanjian.²⁵

Perjanjian yang ditandatangani oleh Raja Melayu itu adalah sama kandungannya. Misalnya perjanjian Sultan Ibrahim Johor dengan kerajaan British itu dicatatkan "Suatu Perjanjian di-antara Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland dengan Kerajaan Negeri Johor". Kandungan perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

BAHWA OLEH SEBAB ada-lah perjanjian-perjanjian yang sedia ada di-antara Yang Maha Mulia Baginda King di-Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Johor:

DAN OLEH SEBAB Negeri-negeri Melayu patut memajukan serta membesarkan undang-undang tuboh Kerajaan-nya

25 Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 104-116.

di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan juga bagi pemerentahan Negeri Johor pada masa yang ka-hadapan:

MAKA ADA-LAH DI-PERSATUJUKAN DENGAN PERJANJIAN INI di-antara Sir Harold MacMichael , G.C.M.M, D.S.O., wakil khas Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Grreat Britain dan di-Northern Ireland bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia Sultan Negeri Johor bagi pihak diri-nya sendiri dan waris-waris-nya dan keturunan-nya saperti yang tersebut di-bawah ini:

1. Yang Maha Mulia Sultan Negeri Johor berjanji ia-itu Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh kuasa mengadakan undang-undang di-dalam Negeri Johor.
2. Perjanjian-perjanjian sedia yang tersebut di-atas ini akan berlaku sa-penoh-penoh kuatkuasa-nya, kechuali mana-mana tentang yang berseliseh dengan perjanjian baharu ini atau dengan mana-mana peraturan tuboh Kerajaan bagi Tanah Melayu ini yang akan di-adakan oleh Yang Maha Mulia Baginda King.²⁶

Dalam pada itu dikemukakan juga sebagai contoh perjanjian Sultan Selangor dengan Sir Harold MacMichael sebagai contoh dan bandingan. Perjanjian 1945, di antara Sultan Selangor dengan MacMichael dicatatkan, “Suatu Perjanjian di-antara Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Great Britain dan di-Northern Ireland dengan Kerajaan Negeri Selangor”.

BAHWA OLEH SEBAB ada-lah perjanjian-perjanjian yang sedia ada di-antara Yang Maha Mulia Baginda King di-Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor:

DAN OLEH SEBAB Negeri-negeri Melayu patut memajukan serta membesarkan undang-undang tuboh Kerajaan-nya di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dan juga bagi pemerentahan Negeri Selangor pada masa yang ka-hadapan:

MAKA ADA-LAH DI-PERSATUJUKAN DENGAN PERJANJIAN INI di-antara Sir Harold MacMichael, G.C.M.M, D.S.O., wakil khas Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda King di-dalam United Kingdom di-Grreat Britain dan di-Northern Ireland bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia Sir Hisamud-din Alam Shah, K.C.M.G. ibni Al-Marhum Sultan Ala'idin Sulaiman Shah Sultan Negeri Selangor bagi pihak diri-nya sendiri dan waris-waris-nya dan keturunan-nya saperti yang tersebut di-bawah ini:

1. Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor berjanji ia-itu Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh kuasa mengadakan undang-undang di-dalam Negeri Selangor.

26 DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.

2. Perjanjian-perjanjian sedia yang tersebut di-atas ini akan berlaku sa-penoh-penoh kuatkuasa-nya, kechuali mana-mana tentang yang berseliseh dengan perjanjian baharu ini atau dengan mana-mana peraturan tuboh Kerajaan bagi Tanah Melayu ini yang akan di-adakan oleh Yang Maha Mulia Baginda King.²⁷

Perjanjian ini adalah terjemahan daripada perjanjian asal dan resmi dalam bahasa Inggeris. Perjanjian dalam bahasa Inggeris tersebut dicatatkan tarikh, 24 Oktober 1945; ditandatangani Sir Harold MacMichael *Special Representative of His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland*; disaksikan oleh H.T. Bourdillon. Seterusnya di bawah tandatangan Sir MacMichael, tandatangan dan cop Sultan Hishamuddin Alam Shah, disaksikan Dato' Hamzah, Setiausaha Sultan dan Tengku Nong, Setiausaha Sulit Sultan; kedua-duanya tandatangan tanpa cop.

Dalam perjanjian ini Raja Melayu menyerahkan semua yuridiksi (*jurisdiction*) ke atas negeri masing-masing kepada Mahkota British. Raja Melayu hanya sebagai ketua sosial dan agama sahaja.²⁸ Setelah mendapat tandatangan Raja Melayu, Sir Harold MacMichael berangkat pulang ke England pada 6 Januari 1946. Kemudiannya Kertas Puteh (*White Paper*), mengandungi butiran terperinci Malayan Union dikeluarkan 22 Januari 1946. Antara lain Malayan Union akan diketuai oleh Gabenor, dan Raja Melayu hanya berkuasa dalam bidang adat dan agama Islam; taraf warganegara akan diberikan kepada orang bukan Melayu berumur 18 tahun, tinggal 10 tahun di Tanah Melayu, dari tempoh 15 tahun sebelum 15 Februari 1942.

Seterusnya dalam perkembangan lain di Sarawak dan Sabah, kerajaan baginda raja menjalankan langkah dan usaha menjadikan kedua-dua negeri itu sebagai mahkota British. Kerajaan British membuat keputusan akan memujuk Raja Sarawak supaya menyerahkan Sarawak kepada Pejabat Tanah Jajahan. Keputusan ini dikemukakan oleh Setiausaha Tanah Jajahan kepada kerajaan, hasil keputusan yang dicapai oleh Jawatankuasa Kabinet Perang mengenai Malaya dan Borneo yang ditugaskan, antara lain merancang dan mengemukakan cadangan pentadbiran Sarawak selepas Jepun meninggalkan Sarawak. Kerajaan *Provisional* Sarawak yang diketuai oleh Raja Muda Anthony Brooke dilaporkan bersetuju menyerahkan Sarawak²⁹ kepada kerajaan British. Antara alasan yang dikemukakan oleh Raja Vyner Brooke ialah masalah kewangan untuk membangun Sarawak selepas perang.³⁰ Dalam pada itu berita dinyatakan yang Raja hanya akan pulang ke Sarawak untuk menghadiri Majlis Negeri apabila beliau pasti Majlis Negeri akan mengundi majoriti menyokong penyerahan. Sementara ini kempen dijalankan untuk memastikan ahli Majlis Negeri menyokong penyerahan. Kerajaan British menghantar E.H. Bank, kurator Muzium Sarawak, dan J.C.H. Barcroft, bekas Residen Bahagian Kedua meninjau pendapat penduduk Sarawak mengenai

27 DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.

28 H.P. Lee, *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 5.

29 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993, hlm. 89.

30 Suffian bin Mansur, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (1959-1974)*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/1995, hlm. 15.

rancangan penyerahan. Kedua-duanya membuat tinjauan di beberapa tempat, termasuk kawasan pedalaman, melaporkan kepada Raja bahawa 2/3 penduduk mematuhi kehendak Raja.³¹

Namun begitu pada 28 Februari 1945, Kerajaan *Provisional* Sarawak yang diketuai Anthony Brooke tidak bersetuju dengan Pejabat Kolonial untuk menguatkuasakan *Foreign Jurisdiction Act* terhadap Sarawak, untuk membolehkan Raja Inggeris berkuasa mutlak melaksanakan peraturan di Sarawak. Sehubungan itu pejabat kolonial melaporkan kepada Raja. Sebagai tindakan susulan, Raja membubarkan Kerajaan *Provisional* Sarawak, dan melucutkan jawatan Raja Muda yang disandang oleh Anthony Brooke.³² Dengan itu rundingan mengenai kedudukan Sarawak diambil alih oleh Raja Vyner Brooke.

Raja Vyner Brooke menandatangani surat perjanjian dengan George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan British bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British pada 24 Oktober 1945. Antara lain persetujuan dicapai MacBryan akan dihantar ke Sarawak bagi memujuk ahli Majlis Tertinggi menyokong tindakan Raja Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan baginda raja. MacBryan datang ke Kuching bertemu Ong Tiang Swee, ketua orang Cina suku Hokkien dan Datu. Dalam pertemuan ini MacBryan berjaya mendapatkan persetujuan mereka, kecuali Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.³³ Dengan itu MacBryan menghantar Datu Amar, Datu Menteri dan Abang Mohamad Daim menemui Datu Patinggi Abang Haji Abdillah memujuk bersetuju dengan penyerahan Sarawak kepada kerajaan baginda raja. Percubaan MacBryan melalui ketua tempatan ini juga gagal. Melihat perkembangan ini, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menulis surat kepada Leftenan Kolonel Gascogne, Bendahari Unit Hal Ehwal Awam British Borneo Ltd. meminta nasihat.³⁴ Namun begitu Leftenan Kolonel Gascogne tidak mengambil tindak balas.

Dalam usaha seterusnya MacBryan memanggil mesyuarat Majlis Tertinggi bersidang pada 5 Januari 1945. Dalam mesyuarat ini lima orang anggota hadir: Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Ong Tiang Swee, Datu Pahlawan Abang Haji Abu Mustapha, Datu Menteri, dan Datu Amar. Dalam mesyuarat ini MacBryan mempamerkan surat kuasa daripada Raja Vyner Brooke yang menyatakan supaya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menerima beliau sebagai utusan dan wakil Raja Vyner Brooke, serta segala arahan adalah perintah daripada Raja Vyner Brooke. Kemudiannya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah

31 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 92.

32 Bujang bin Hj. Mohammed Nor, *The Cession of Sarawak to Great Britain 1946*, hlm. 19.

33 Abang Abdillah dilahirkan di Kuching pada 13 Oktober 1862. Beliau ialah anak Datu Bandar Abang Haji Kasim bin Datu Bandar Bolhassan dengan Dayang Saadah binti Datu Patinggi Abdul Gapur. Oleh kerana wajahnya lawa, Abang Abdillah digelar Abang Antik. Beliau mendapat didikan di Sekolah St. Thomas, Kuching sehingga darjah tiga (*Standard III*). Kemudiannya Abang Abdillah bertugas sebagai guru pembantu di Sekolah Kampung Jawa. Pada tahun 1899 bertukar kerjaya sebagai Juruukur di pejabat tanah; berpindah ke Jabatan Kerja Raya sebagai Mandur Kuari pada tahun 1905. Pada tahun 1917, berukar kerjaya sebagai SubInspektor. Pada tahun 1921, Abang Abdillah dilantik sebagai Datu Bandar Muda, menggantikan ayahnya yang meninggal dunia pada tahun yang sama (1921). Seterusnya Datu Bandar Abang Abdillah menunaikan fardu haji pada tahun 1922. Pada tahun 1924 dianugerahkan Datu Bandar; 1928 sebagai Datu Shahbandar dan berikut Datu Patinggi pada tahun 1937 oleh Raja Charles Vyner Brooke. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah meninggal dunia pada 21 November 1946. (*The Sarawak Gazette*, 1 Disember 1946. Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, Sib: Vicskill Sdn. Bhd., 1995, hlm. 7-12).

34 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 32-33.

menurunkan tandatangan ke atas dua pucuk surat yang dikemukakan oleh MacBryan. Seterusnya anggota Majlis Tertinggi yang lain, Datu Pahlawan, Datu Amar dan Ong Tiang Swee; serta MacBryan turut menurunkan tandatangan ke atas kedua-dua surat tersebut. Salah satu surat yang ditandatangani ini memberi kuasa kepada MacBryan memangku jawatan Ketua Setiausaha sehingga 8 Januari 1946, dan membolehkan beliau memanggil mesyuarat Majlis Tertinggi. Manakala surat yang satu lagi menyatakan Raja Vyner Brooke sahaja yang boleh menentukan keistimewaan raja, dan juga menyatakan anggota Majlis Tertinggi bersetuju dengan hasrat Raja Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan baginda raja.³⁵

Penyerahan Sarawak kepada Tanah Jajahan Mahkota British dibincangkan dalam Majlis Negeri. Dalam perbahasan ini Datu Bandar Abang Haji Mustapha menyatakan Sarawak bergembira, namun begitu pendidikan, perusahaan, dan pertanian adalah ketinggalan; dan dengan itu Sarawak memerlukan sokongan daripada sebuah negara besar. Sehubungan itu Datu Bandar Abang Haji Mustapha menggesa kerajaan mengekal dasar yang lalu, dan hak bumiputera diberi pertimbangan yang wajar. Setelah berbincang, majoriti ahli Majlis Negeri menyokong penyerahan. Dalam hal ini Datu Bandar Abang Haji Mustapha adalah salah seorang penyokong penyerahan Sarawak kepada Tanah Jajahan Mahkota British.³⁶

Pada 6 Februari 1946, Raja Vyner Brooke membuat pengisytiharan kepada penduduk Sarawak. Dalam pengisytiharan ini Raja Vyner Brooke menyatakan rancangan penyerahan Sarawak yang beliau rancang diterima oleh baginda Raja Inggeris. Penyerahan ini pula adalah harapan raja pertama, James Brooke. Selain itu dinyatakan pandangan surat khabar bahawa kerajaan baginda raja akan melakukan perubahan yang tidak disenangi orang Sarawak adalah tidak benar. Kerajaan British menjamin memberi kebebasan kepada penduduk Sarawak. Seterusnya dinyatakan penduduk Sarawak akan menjadi rakyat Raja Inggeris.

Berita ini tidak menyenangkan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Dalam pada itu beliau menerima surat yang ditandatangani oleh Presiden dan Empat Naib Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak meminta menyatakan kepada Raja Vyner Brooke menyelamatkan penduduk bumiputera Sarawak. Mereka juga menyatakan jika Raja Vyner Brooke berpendapat tidak dapat menguruskan pentadbiran Sarawak, tugas tersebut diserahkan kepada Tuan Muda Betram Brooke; dan jika Betram Brooke berhalangan, seterusnya diserahkan kepada Anthony Brooke, anak Betram Brooke (Tuan Muda). Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengutus surat tersebut kepada Raja Vyner Brooke. Raja Vyner Brooke bersama rombongan bertolak dari England, singgah di Singapura pada 13 April 1946. Seterusnya selepas bertemu dan berbincang dengan Lord Louis Mountbatten, Raja Vyner Brooke berlepas ke Kuching. Kedatangan Raja Vyner Brooke disambut meriah. Kemudiannya Raja Vyner Brooke mengisytiharkan “Proklamasi Pemulihan Pemerintahan Awam” memulihkan kerajaan awam di Sarawak di Dewan Majlis Tertinggi. Dalam majlis ini diikuti dengan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyerahkan surat bantahan penyerahan, dan menghadiahkan Pedang Negeri kepada Raja Vyner Brooke.³⁷

35 Ibid., hlm. 36-37.

36 Ibid., hlm. 95.

37 Ibid., hlm. 40-43.

Datu Patinggi Abang Haji Abdillah penaung Persatuan Kebangsaan Melayu (PKMS) Sarawak menentang penyerahan. Dalam pada itu tumbuh 52 pertubuhan mengikuti jejak PKMS menentang penyerahan. Orang Iban di Bahagian Pertama di bawah pimpinan Philip Jitam menubuhkan Persatuan Dayak Sarawak (SDA) menyerta anti-penyerahan dan seterusnya menentang penyerahan.³⁸

Dengan berasaskan tandatangan anggota Majlis Tertinggi 6 Januari 1946, Majlis Negeri dipulihkan semula pada 24 April 1946. Anggota Majlis Negeri ini dipilih dan dilantik oleh Raja Vyner Brooke. Dalam sidang yang berlangsung pada 24 April 1946, Raja Vyner Brooke menyatakan Sarawak akan diserahkan kepada kerajaan mahkota British, tetapi memberi jaminan kerajaan mahkota British akan mematuhi adat, dan prinsip perlembagaan 1941. Selain itu beliau juga memberi jaminan akan datang melawat Sarawak. Juga menyatakan kerajaan British akan memajukan pembangunan dan kemajuan negeri Sarawak. Raja Vyner Brooke juga menyatakan tidak yakin kepada kebolehan dan kemampuan Raja Muda Anthony Brooke mentadbir Sarawak.

Kemudiannya Raja Vyner Brooke datang semula ke Sarawak. Kali ini beliau melawat antaranya Sibu dan Simanggang (Seri Aman) untuk menjelaskan kebaikan penyerahan Sarawak. Di samping itu tidak kurang juga Raja Vyner Brooke menerima surat bantahan terhadap rancangan penyerahan. Dalam lawatan kali ini, terdapat pegawai yang ikut serta untuk menyasiat tindak balas penduduk tempatan terhadap rancangan penyerahan itu. Antara pegawai tersebut, dua orang anggota parlimen British, L.D. Gammans dan David Rees-Williams. L.D. Gammans dan David Rees-Williams meninjau pendapat penduduk Sarawak di Miri, Limbang, Sibu, Bintulu, Lingga dan Sarikei.³⁹ Hasil daripada lawatan ini, L.D. Gammans dan David Rees-Williams melaporkan penduduk Sarawak menyokong penyerahan.

Dengan itu pada 14 Mei 1946, Majlis Negeri bersidang dan dirasmikan oleh Raja Vyner Brooke. Seterusnya rancangan penyerahan Sarawak dibincangkan. Kemudiannya pada 15 Mei 1946, dalam persidangan seterusnya Raja Vyner Brooke memberi ucapan sebelum meninggalkan dewan. Isu penyerahan dibincangkan dengan hangat dalam sidang Majlis Negeri. Dalam perbahasan tersebut, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menentang penyerahan. Beliau mendapat sokongan daripada Philip Jitam. Dalam hujahannya, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyatakan sebagai Waris Datu dan wakil pribumi Sarawak beliau dan penduduk Sarawak menentang penyerahan. Seterusnya menyatakan mereka yang menyokong penyerahan adalah tidak setia kepada Raja, dan tidak menilai perkhidmatan baik Raja serta kemerdekaan Sarawak. Oleh itu beliau tidak sanggup melanggar sumpah yang dibuat kepada Raja, penduduk, dan semangat perlembagaan 1941. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah juga menyatakan tidak mahu merosakkan khidmat baik selama 62 tahun, serta berdosa kepada Allah, tidak sejahtera di dunia dan akhirat; dan juga akan dicatatkan oleh sejarawan sebagai tidak melakukan keadilan. Juga menyatakan penduduk Sarawak percaya kemakmuran dan keamanan serta kemerdekaan Sarawak boleh dicapai melalui pemerintahan Raja Brooke, di bawah perlindungan British; tidak di bawah pemerintahan

38 Suffian bin Mansur, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (1959-1974)*, hlm. 16.
39 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 44.

kerajaan British. Pada akhir ucapannya, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyatakan dia dan penduduk Sarawak mencintai kemerdekaan Sarawak, dan tanah tumpah darah, serta mencintai keadilan keluarga Raja Brooke.⁴⁰

Setelah perbincangan hangat keputusan dibuat melalui undian pada 15 Mei 1946, Rang Undang-Undang Penyerahan diluluskan. Pengundian diadakan tiga kali. Pada undian kedua, 18 menyokong penyerahan, 16 menentang penyerahan. Daripada jumlah ini, 13 bumiputera menyokong penyerahan dan 12 orang menentang penyerahan. Dengan itu pada 15 Mei 1946, *Cession Bill* diluluskan. Datu Bandar Abang Haji Mustapha yakin yang Sarawak memerlukan sokongan Britain sebelum berdiri di atas kaki sendiri, dan memajukan sumber alam, serta kemajuan sosial.⁴¹

Seterusnya dalam sebutan kali ketiga pada 16 Mei 1946,⁴² 19 menyokong dan 16 orang menentang penyerahan. Pertambahan sokongan penyerahan kerana Datu Hakim dan J.C.H. Barcroft yang berkecuali sebelum ini menyokong penyerahan. Manakala anti-penyerahan pula, C.D. Adams yang menyokong anti-penyerahan tidak hadir dalam mesyuarat 16 Mei 1946 kerana tidak sihat. Seterusnya Rang Undang-undang Penyerahan dibentangkan dalam Majlis Tertinggi pada 20 Mei 1946. Dalam mesyuarat ini enam orang menyokong dan dua orang menentang. Seterusnya Akta Penyerahan ditandatangani di Astana pada 21 Mei 1946. Dalam upacara ini Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan wakil Iban tidak hadir.

Pengisytiharan akta penyerahan ini mencetuskan bantahan. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama presiden Persatuan Dayak Sarawak menghantar kawat kepada Tuan Muda Betram Brooke pada 7 Julai 1946.⁴³ Kandungan kawat yang dihantar itu adalah seperti berikut:

Kaum dayak dan Melayu seluruh negeri Sarawak membantah di atas siaran palsu berkenaan dengan penyerahan negeri itu. Kami berdiri bersatu padu menentang penyerahan dan dengan kuatnya serta bersebulat hati berkehendakkan bahawa kerajaan Sarawak mestilah beraja jangan ditamatkan. Kami tuntutan Ikrar Atlantik dari Fasal 2 dan 3 supaya mengekalkan kehendak kami kerana muslihat keadilan bangsa-bangsa dan kemuliaannya. Kami jemput Yang Maha Mulia Tuan dan ayahanda Tuan yang dihormati supaya melanjutkan langkah membela kemerdekaan Sarawak supaya kekal dan tidak tercacat jika mustahak sekali pun kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Syarikat sehingga tercapai kejayaan, kami berikrar dan mengekalkan semula sokongan kami yang penuh dan taat setia kami, haraplah tolak berita yang berlawanan kepada maksud kemerdekaan Sarawak dengan menggunakan kenyataan ini yang kami beri kuatkuasanya dengan bebas kepada Yang Maha Mulia untuk digunakan siaran tetuag udara ataupun menerusi akhbar-akhbar. Kemerdekaan kita telah tercabul, apakah gunanya Ikrar Atlantik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Syarikat dan wasiat politik dari Sir Charles Brooke itu?⁴⁴

40 Ibid., hlm. 45-46.

41 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 95-96.

42 Dalam Ho Ah Chon (compiled), *Sarawak Historical Events 1946-1960*, Kuching: See Hua Daily News Bhd., 1992, hlm.7, mencatatkan 17 Mei.

43 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 49-50.

44 Ibid., hlm. 51.

Walaupun tentangan terhadap penyerahan Sarawak kepada Tanah Jajahan British berterusan, upacara penyerahan berlangsung di hadapan Mahkamah, Pangkalan Batu, Kuching pada 1 Julai 1946. Peristiwa ini dikenali sebagai Hari Penyerahan atau *Cession Day*. Upacara ini antara lain dihadiri Pesuruhjaya Tinggi MacDonald sebagai wakil kerajaan British, Ketua Setiausaha Negeri Sarawak, pemangku Gabenor Sarawak, C.W. Dawson. Pengisytiharan ini menandakan bermulanya secara resmi Sarawak sebagai jajahan mahkota British atau tanah jajahan British.

Pengenalan Malayan Union dan menjadikan Jajahan Mahkota British ini menimbulkan pelbagai tindak balas penduduk Malaysia. Di Semenanjung Tanah Melayu, akhbar tempatan memainkan peranan penting menyiarkan makalah menentang Malayan Union. Antara akhbar yang memainkan peranan: *Malay Mail*, *Majlis*, dan *Utusan Melayu*.

Di Johor Persatuan Melayu Johor (PMJ) pimpinan Dato' Haji Abdul Rahman Mohd. Yasin mempersoalkan keabsahan perjanjian di antara Sultan Ibrahim dengan Sir Harold MacMichael. Dalam perjuangan PMJ ini, tujuh orang ahlinya memainkan peranan penting dan utama. Tujuh orang ini dikenali sebagai Kumpulan Tujuh. Tujuh orang ahli Persatuan Melayu Johor ialah Haji Hasan bin Haji Yunus, pemangku mufti; Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin, pegawai kewangan negeri; Sulaiman bin Abdul Rahman, pegawai pejabat halehwal awam; Dr. Awang bin Hasan, jabatan perubatan; Ahmad bin Sulaiman, guru; Kosai bin Haji Mohd. Salleh, pegawai perhutanan dan Safiah binti Sulaiman, guru. Mereka mengeluarkan dan mengedarkan risalah dalam tulisan jawi membantah Sultan Ibrahim Johor menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian MacMichael. Mereka juga menurunkan tandatangan mengirimi surat kepada Ketua Pegawai Halehwal Awam di Kuala Lumpur mencabar keabsahan Perjanjian MacMichael 1945 yang ditandatangani oleh Sultan Ibrahim Johor itu.

Dalam pada itu terdapat pertubuhan Melayu lain di Johor. Misalnya, Kesatuan Melayu Johor ditubuhkan pada 21 Ogos 1939; Yang di-Pertua, Haji Taib; Timbalan, anaknya Dr. Hamzah bin Taib, dan Penaung Tengku Ahmad, Timbalan Menteri Besar.⁴⁵ PMJ ditubuhkan pada tahun 1939 di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin. Anggota Persatuan ini kebanyakannya ialah kakitangan kerajaan di sekitar Johor Bahru.⁴⁶ Seterusnya Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ), ditubuhkan pada Januari 1946.

Pada awal Januari 1946, Lembaga Melayu Johor dengan sokongan Persatuan Melayu Johor mengadakan perhimpunan menentang Malayan Union. Dalam perhimpunan ini Ungku Omar bin Abdullah, Naib Presiden Lembaga Melayu Johor dan Doktor Hamzah Taib berucap menentang Malayan Union. Sementara itu perhimpunan ini meluluskan saranan meminta Dato' Onn menganjurkan tindakan untuk kepentingan Melayu.

Dalam usaha mengemblingkan tenaga perjuangan menentang Malayan Union, Dato' Onn menyeru pertubuhan Melayu yang ada bergabung. Dalam hal ini Dato' Onn menulis surat kepada PMJ menyeru bergabung. PMJ mengadakan mesuarat jawatankuasa

45 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", Abu Bakar Hamid et-al (editor), *UMNO JOHOR: Memartabatkan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor dan Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996, hlm. 21; 22.

46 Ramlah Adam, "Dr. Hamzah Hj. Taib (1900-1956)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 19, 1991, hlm. 11. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 23.

di bangunan Askar Timbalan Setia Negeri di Jalan Terus, Johor Bahru pada awal 1946. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dato' Abdul Rahman Mohd. Yasin. Usul gabungan dibentangkan. Haji Hassan Yunus menolak usul gabungan tanpa bantahan daripada ahli jawatankuasa yang hadir.⁴⁷

Sementara Dato' Onn menulis dalam akhbar *Utusan Melayu* pada 23 Januari 1946, dan pada 24 Januari 1946, dalam akhbar *Majlis* menyeru orang Melayu berkongres membincangkan Malayan Union, dan mendapat sokongan daripada akhbar *Warta Negara*.

Walaupun mendapat tentangan daripada orang Melayu, kerajaan British terus akan mengisytiharkan Malayan Union dan perlantikan Gabenor pada 1 April 1946. Dengan itu Dato' Onn memanggil mesyuarat tergepar di pejabat akhbar *Majlis*; dan berikutnya di Penang Peranakan Club, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini mengambil keputusan: orang Melayu memulau upacara perlantikan Gabenor Malayan Union, meminta Raja Melayu tidak menghadiri majlis upacara perlantikan Gabenor Malayan Union, dan berkabung melilit kain putih pada songkok hitam selama tujuh hari mulai 1 April 1946.⁴⁸ Dengan itu Dato' Onn ke Station Hotel menghadap Raja-raja Melayu menyampaikan keputusan mesyuarat. Raja-raja Melayu menyatakan tidak akan menghadiri majlis tersebut. Walaupun dipulau, upacara perlantikan Gabenor Malayan Union diteruskan. Sir Edward Gent diisytiharkan sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama pada 1 April 1946, diikuti dengan tembakan hormat sebanyak 17 das. Dalam majlis perlantikan ini, Sir Edward Gent menyatakan sempena pulih kembali pentadbiran awam di Tanah Melayu, Raja England dan beliau mengucapkan selamat untuk masa hadapan kepada Tanah Melayu.⁴⁹

Ke arah Kemerdekaan

Setelah kerajaan Malayan Union dibentuk, UMNO bersidang di Istana Besar Johor Bahru pada 11–12 Mei 1946. Dalam persidangan ini, pada 11 Mei 1946, Piagam UMNO ditandatangani, dan dengan itu rasmlah kelahiran UMNO. Seterusnya dalam mesyuarat pertama UMNO Dato' Onn dilantik sebagai Yang Dipertua UMNO pertama.⁵⁰

Manakala Raja Melayu juga menyatakan hasrat akan menghantar wakil baginda ke London untuk menyuarakan bantahan terhadap Perjanjian 1946. Sultan Abdul Aziz Perak menulis surat kepada Viscount Elibank, ahli parlimen Parti Konsevertif supaya kerajaan British memberi perhatian menjaga keistimewaan Raja Melayu. Gerakan Raja-raja Melayu dan UMNO ini menyebabkan kerajaan British berunding dengan Raja Melayu dan wakil UMNO. Pada 27 Mei 1946, kerajaan British Tanah Melayu berunding dengan Raja Melayu mengenai Persekutuan, mengetatkan taraf kerakyatan, mengiktirafkan kedaulatan Raja Melayu, taraf naungan negeri-negeri Melayu, dan perlantikan Pesuruhjaya Tinggi. Dalam rundingan di antara Edward Gent dan MacDonald di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946 dengan Raja Melayu, antara lain Raja Melayu menuntut Persekutuan; perjanjian baru menggantikan

47 Ibid., hlm. 142.

48 *UMNO Sepuluh Tahun 1946-1956*, hlm. 27.

49 Malayan Union, 2037/1946, *The Malayan Tribune*, 2 April 1946.

50 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", hlm. 40.

Perjanjian MacMichael; Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor; hak pengampunan raja dikekalkan; tanah milik negeri dalam kawalan raja; dan persekutuan bertaraf naungan dan bukan tanah jajahan.⁵¹ Begitu juga dengan UMNO menolak Kesatuan dan menggantikan dengan Persekutuan.⁵²

Dato' Onn bersama UMNO meneruskan perjuangan menentang Malayan Union, demi memulih maruah bangsa Melayu, dan Raja Melayu. Perjuangan UMNO ini mendapat sokongan ahli parlimen Parti Konsevertif, L.D. Gammans. L.D. Gammans melawat Tanah Melayu bersama seorang wakil Parti Buruh, David Rees-Williams. Dato' Onn mengambil kesempatan lawatan ahli parlimen British ini bertindak sebagai pemandu, membawa mereka melawat. Antara tempat yang dilawati: Johor Bahru dan Kajang pada 28 Mei 1946, Seri Menanti dan Rembau, 29 Mei 1946, Alor Setar, 5 Jun 1946, dan Pulau Pinang, 7 Jun 1946. Di samping itu UMNO pula menggalakkan orang Melayu datang beramai-ramai berkumpul menunjukkan perasaan anti-Malayan Union kepada rombongan yang disertai L.D. Gammans dan David Rees-Williams ini. Kesan lawatan ini menyebabkan L.D. Gammans membangkitkan dalam parlimen, supaya kerajaan British membuat perjanjian baru menggantikan perjanjian 1946. Dalam ucapannya itu, antara lain L.D. Gammans memaklumkan yang orang Melayu merasakan mereka ditipu oleh kerajaan baginda raja. Sementara itu David Rees-Williams juga menyokong pandangan L.D. Gammans.

Sementara itu wakil UMNO pula berbincang dengan Gabenor Malayan Union Sir Edward Gent di Kuala Kangsar, Perak pada 29 Mei 1946, dan sekali lagi pada 18 Jun 1946 di Pulau Pinang. Dalam kedua-dua perbincangan Dato' Onn menyatakan UMNO tetap menolak Malayan Union. Begitu juga dalam rundingan 26 Jun 1946, di Pulau Pinang, Dato' Onn menolak cadangan Setiausaha Tanah Jajahan, Sir George Hall yang ingin mengekalkan kuasa undang-undang di tangan Raja England. Dato' Onn mewakili UMNO terus menyatakan menolak Malayan Union. Sikap tegas yang ditunjukkan Dato' Onn dalam rundingan dan perbincangan menyebabkan Sir Edward Gent, dan Sir Malcolm MacDonald, Ketua Gabenor Asia Tenggara memanjangkan simpati orang Melayu ke Sir George Hall di Pejabat Tanah Jajahan di London. Sir George Hall seterusnya meminta Sir Malcolm MacDonald menerima tuntutan orang Melayu yang disuarakan Dato' Onn itu. Sudah pasti perubahan sikap pegawai British ini kerana sikap tegas dan penentangan berterusan yang ditunjukkan oleh orang Melayu terhadap Malayan Union.

Perbincangan mengenai Malayan Union diteruskan lagi pada 18 Julai 1946, dan kali ini diadakan di King's House, Kuala Lumpur. Dalam perbincangan ini Dato' Onn dan Raja Melayu menuntut diberi peluang mengemukakan cadangan balas terhadap Malayan Union. Kemudiannya perbincangan diadakan lagi pada 24 Julai 1946. Dalam perbincangan ini, cadangan Dato' Onn memasukkan Melaka dan Pulau Pinang ke dalam Persekutuan diterima Raja-raja Melayu dan pegawai British. Begitu juga persetujuan dicapai bahawa rakyat Persekutuan hendaklah memberi taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu, dan bukan kepada Raja England. Juga mesyuarat bersetuju bahawa perundangan Persekutuan ditentukan oleh Persekutuan, dan bukan oleh kerajaan baginda raja.

51 Mohd. Ashraf Ibrahim, *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 102.

52 Ibid., hlm. 103.

Dalam langkah seterusnya sebuah Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*) dibentuk untuk menggubal perlembagaan baru menggantikan Malayan Union. Jawatankuasa ini terdiri: wakil kerajaan baginda raja: A.T. Newbolt (Ketua Setiausaha Malayan Union), K.K. O'Connors (Peguam Negara Malayan Union), W.D. Godsall (Setiausaha Kewangan), Dr. W. Linehan (Perkhidmatan Awam Tanah Melayu), A. William (Perkhidmatan Awam Tanah Melayu); manakala wakil Raja-raja Melayu: Raja Kamaralzaman, Dato' Hamzah, Haji Mohamad Shariff dan Dato' Setia; wakil UMNO pula, Dato' Onn, Dato' Abdul Rahman dan Megat Yunus. Jawatankuasa ini memulakan mesyuarat pada 6 Ogos 1946. Dalam perbincangan pada 20 November 1946, Dato' Onn menyatakan tidak bersetuju dengan cadangan British bahawa taraf kerakyatan Persekutuan diberikan kepada mereka yang mengaku taat setia kepada Persekutuan. Dato' Onn yang mendapat sokongan daripada Raja-raja Melayu menyatakan taraf kerakyatan terbuka dan hanya didasarkan kepada rakyat raja negeri Melayu sahaja. Walaupun begitu mesyuarat mencapai persetujuan taraf kerakyatan Persekutuan terbuka kepada orang asing, tetapi melalui syarat yang ketat; dan taraf kerakyatan *Jus Soli* hanya untuk orang Melayu sahaja. Dengan itu draf perlembagaan Persekutuan diterima pada Disember 1946.

Sementara itu kerajaan British menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh H.R. Cheesman, dan anggotanya bukan Melayu untuk mendapatkan pandangan kepentingan orang bukan Melayu. Jawatankuasa ini terdiri: H.R. Cheesman sebagai Pengerusi, ahlinya, M.C.R. Doraisamy Aiyer, S.B. Palmer, A. Artbunott, C.F. Gomes, J.S. Goonting, Leong Yew Koh dan C.P.R. Menon. Jawatankuasa bermesyuarat beberapa kali dan menerima berbagai memorandum daripada individu dan pertubuhan. Laporan Cheesman dibincangkan oleh Majlis Penasihat Malayan Union pada 10 April 1947. Semua ahli keturunan Cina menyokong cadangan H.S. Lee dan Leong Yew Koh yang menyatakan kewarnegaraan layak kepada rakyat raja Melayu, rakyat British, mereka yang lahir di negeri Melayu dan tinggal tetap di Negeri Selat, dan bapa mereka warganegara persekutuan.⁵³ Perkara ini dibawa dalam perbincangan Jawatankuasa Kerja tersebut pada 17 April 1947. Dalam perbincangan, wakil Raja-raja Melayu dan UMNO menolak cadangan laporan Cheesman ini. Dengan itu pada 24 Disember 1947, MacDonald mengisytiharkan perlembagaan persekutuan akan dikuatkuasa secepat mungkin.

Walaupun begitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan Dr. Burhanudin yang bermesyuarat agung pada 29 Disember 1946 di Melaka mengecam Dato' Onn dan cadangan perlembagaan Jawatankuasa Kerja. Antara lain Dr. Burhanuddin menyatakan tidak demokratik kerana tidak mendapat pandangan daripada rakyat; sebaliknya menerima Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk itu sama seperti Tanah Melayu sebelumnya. Dato' Onn menjawab cemuhan Dr. Burhanuddin ini di dalam mesyuarat agung UMNO di Alor Setar, Kedah yang berlangsung pada 10 Januari 1947. Dalam jawapannya itu antara lain Dato' Onn menyatakan orang Melayu belum bersedia untuk menguruskan negara jika merdeka.

Selain itu Jawatankuasa Kerja mendapat kecaman daripada *Council of Joint Action*, dianggotai bukan Melayu yang ditubuhkan di Singapura pada Oktober 1946. *Council of Joint Action* berkembang ke Tanah Melayu dan namanya ditukar sebagai *Pan Malayan Council of Joint Action* pada tahun 1947, dan pada tahun yang sama namanya ditukar lagi

53 Ibid., hlm. 116.

sebagai *All Malayan Council of Joint Action*. Perlembagaan Persekutuan dibawa ke dalam mesyuarat agung UMNO yang berlangsung di Alor Setar pada 10 Januari 1947, dan Dato' Onn menggesa ahli menerimanya. Jika tidak beliau akan meletak jawatan. Cadangan UMNO ini dibawa Majlis Penasihat Malayan Union (*Malayan Union Advisory Council*) sebuah badan perundangan tertinggi dalam kerajaan Malayan Union, anggotanya terdiri daripada Ketua Gabenor, Gabenor dan ahli yang dilantik oleh Gabenor Malayan Union.

Walaupun mendapat tentangan daripada pihak tertentu, British terus mengekalkan pelaksanaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1947 Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), ditubuhkan oleh PKMM pada 22 Februari 1947 lebih tegas menentang Dato' Onn dan UMNO. Seterusnya Pusat Tenaga Rakyat bersama *All Malayan Council of Joint Action* melancarkan hartal, mogok ekonomi di seluruh Tanah Melayu pada 19 Oktober 1947, dan mendesak kerajaan British mempertimbangkan Perlembagaan Rakyat, tetapi gagal. Desakan dan hartal tidak menghalang pengisytiharan perlembagaan persekutuan. Pada 20 Januari 1948 perbincangan diadakan di King's House, Kuala Lumpur antara wakil UMNO, Raja-raja Melayu dan British. Dalam perbincangan ini persetujuan dicapai mengenai Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu Perjanjian Persekutuan ditandatangani di antara Raja Melayu dengan Kerajaan baginda raja ditandatangani pada 21 Januari 1948. Berikutnya pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu terbentuk, dan orang Melayu berjaya menghapuskan Malayan Union.⁵⁴

Dalam perkembangan lain, langkah dan usaha kerajaan baginda raja menjadikan Sarawak dan Sabah sebagai jajahan mahkota British juga menimbulkan reaksi daripada kedua-dua negeri ini. Di Sarawak, Datu Patinggi Abang Abdillah tidak hadir dalam upacara pengisytiharan penyerahan pada 1 Julai 1946 dengan alasan terasa terhina dan dukacita.⁵⁵ Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, penaung PKMS mengutus surat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Atlee. Isi kandungan surat yang dihantar itu berbunyi:

Dengan hormatnya saya sampaikan kepada tuan bantahan berkenaan dengan penyerahan Sarawak di atas perkara-perkara seperti berikut: Yang pertama: Tidak ada pengakuan yang sah daripada wakil-wakil pihak bumiputera telah diberi kepada penyerahan itu. Yang keduanya: Rakyat Sarawak tidak berkehendakkan negeri mereka menjadi tanah jajahan Mahkota Inggeris. Yang ketiganya: Mereka itu berkehendak supaya dikekalkan pemerintahan beraja Sarawak. Yang keempat: Suara undian pihak bumiputera dalam Majlis Mesyuarat Negeri ialah 12 suara lawan Lima suara daripada Sembilan menyertujui penyerahan ialah disebabkan oleh pengaruh wang. Bantahan telah nyata dengan seterang-terangnya seratus peratus dan membayangkan pada dia yang sebenar-benarnya perasaan rakyat Sarawak. Yang kelima oleh yang demikian, alat penyerahan yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Tertinggi itu adalah batal oleh Fasal 4. Datu Patinggi yang jawatannya adalah seumpama Yang Amat Mulia Duke of Norfolk tidak bersama-sama menandatangani. Yang keenam, kerana Sir Charles Vyner Brooke

54 Perbincangan penentangan terhadap Malayan Union, dan berakhir dengan Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu didasarkan kepada Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", Abu Bakar Hamid, Abdullah Zakaria bin Ghazali, Ramlah Adam et al, *UMNO Johor 50 Tahun: Memartabatkan Bangsa Melayu*, hlm. 43-58.

55 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 25.

mungkir kepada Ikrar tatkala ia naik kerajaan demikian juga telah mungkir kepada wasiat politik Sir Charles Brooke dan dengan sukarelanya telah menghapuskan jawatan Raja Sarawak dengan menerima penyerahan itu, oleh yang demikian dengan kelakuannya melakukan pecah amanah ke atas rakyat Sarawak, maka kami dengan hormatnya menjemput Tuan Muda kerana ia mewarisi tahta kerajaan Sarawak itu supaya memegang jawatan menjadi Raja Sarawak. Kami memandangkan Tuan sebagai Perdana Menteri Great Britain untuk mengekalkan keamanan dan menghormati kehendak-kehendak Sir Charles [Brooke] sebagaimana yang telah tersebut dalam wasiat politiknya itu. Kami dengan hormatnya menerima kasih kepada tuan bagi menyempurnakannya.⁵⁶

Segala usaha Datu Patinggi Abang Haji Abdillah ini tidak mendapat perhatian daripada kerajaan baginda raja. Dengan itu beliau menulis lagi surat pada 26 Julai 1946, dan kali ini kepada Tuan Muda Bertram Brooke. Isi kandungannya adalah seperti berikut:

Diharap Tuan akan kirimkan keputusan rayuan kami kepada Perdana Menteri. Jika jawabnya tidak kami tidak ada langkah lain melainkan meminta Tuan merayu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Syarikat atau Amerika yang mengiktiraf kemerdekaan kami semenjak tahun 1850 dan kami hargai pengakuan itu. Sudah tentulah perkara ini akan berlawanan kepada Amerika Syarikat yang berdasarkan mencari keamanan dan kemerdekaan bangsa-bangsa besar dan kecil kerana tidak ada menaruh belas kasihan kepada kehapuskan kemerdekaan Sarawak dengan tidak ada kebenaran dan kemahuan rakyat Sarawak.⁵⁷

Segala usaha yang dilakukan oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Persatuan Dayak Sarawak gagal menghalang penyerahan Sarawak. Walaupun begitu kempen anti-penyerahan terus dilaksanakan. Ketika kempen ini berjalan, tersiar berita pada akhir Julai 1946, Tuan Muda Bertram Brooke dan Raja Muda Anthony Brooke melalui Mahkamah Residen Brunei mencabar kuasa Raja menyerahkan Sarawak kepada Mahkota British. Sementara itu tersebar berita di Sarawak, akibat tentangan orang Melayu di Tanah Melayu terhadap Malayan Union menyebabkan kerajaan baginda raja akan menggantikannya dengan pentadbiran baru. Perkembangan di Tanah Melayu ini mendorong Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menggiatkan gerakan anti-penyerahan mereka. Kegiatan Peresatuan Kebangsaan Melayu Sarawak ini menunjukkan kejayaan, di mana ketibaan gabenor baru, Sir Charles Noble Arden Clark di Kuching pada 28 Oktober 1946 tidak mendapat sambutan daripada orang kenamaan Melayu Kuching.

Dalam pada itu Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama Abang Zaini, presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menghantar surat bantahan penyerahan Sarawak kepada gabenor baru. Usaha ini tidak mendatangkan hasil.⁵⁸ Pada 17 November 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menulis surat kepada Tuan Muda Bertram Brooke untuk

56 Ibid., hlm. 52-53.

57 Ibid., hlm. 53.

58 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 54.

menemuinya. Usaha ini juga gagal kerana Datu Patinggi Abang Haji Abdillah meninggal dunia pada 21 November 1946.⁵⁹

Kempen anti-penyERAHAN ini bertambah hangat. Beberapa pertubuhan baru muncul. Antaranya Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Persatuan Pemuda Melayu (PPM), dan PPMS.⁶⁰ BPS yang ditubuhkan pada tahun 1946 itu dipimpin oleh Abang Haji Mohammad Kassim.⁶¹ Matlamat BPS adalah seperti berikut:

1. (a) Menggalakkan perkembangan iktisad
(b) Membasmikan perbuatan yang merugikan, dan meruntuh iktisad bangsa bumiputera Sarawak
2. Memajukan pelajaran
3. Mempertahankan dan memperjagakan hak dan cita-cita Kebangsaan Bumiputera Sarawak
4. Mempertahankan adat istiadat yang terbaik dan cagar di belakang hari bagi Kebangsaan Bumiputera Sarawak
5. Menyokong polisi kerajaan Baginda Queen ke arah berkerajaan sendiri (merdeka).⁶²

Sementara itu berlakunya pemuluan terhadap segala upacara yang diadakan di Sarawak. Perkahwinan dan kematian dipulau. Antara golongan penyerahan dengan anti-penyERAHAN tidak lagi menjalin hubungan.⁶³ Malah dalam keluarga juga bergaduh dan tidak bertegur sapa. Dalam pada itu ada juga suami isteri berpisah kerana berlainan fahaman dan perjuangan ini.⁶⁴ Selain itu terdapat juga mereka yang mencemuh dan mengejek Datu Bandar Abang Mustapha sebagai jual negeri.⁶⁵ Padahal penyerahan Sarawak sebagai jajahan mahkota British dilaksanakan oleh Raja Sarawak, Vyner Brooke dan keputusan Majlis Mesyuarat Negeri.

Seterusnya kerajaan British melalui, Gabenor Sir Noble Arden Clark mengambil langkah mengeluarkan surat pekeliling rasmi No. 9 bertarikh 10 Disember 1946 kepada

59 Ibid., hlm. 56..

60 Ibid., hlm. 58.

61 Abang Haji Mohammad Kassim memegang jawatan Presiden sehingga 1961. Pada tahun 1961 dalam pemilihan pucuk pimpinan, jawatan Presiden dimenangi oleh Ahmad Zaidi Adruce; manakala Abang Haji Mohammad Kassim sebagai Timbalan Presiden. (Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 89-90). Abang Haji Mohammad Kassim dilahirkan pada 15 April 1926 di Kuching, Sarawak; anak Abang Mohammad Taha dengan Dayang Hasiah. Mendapatkan didikan di beberapa buah sekolah: Sekolah Abang Abdillah, Madrasah Melayu, Kampung Jawa; Sekolah St. Thomas, Kuching; Sekolah Melayu Tangling, Singapura; Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura; dan pada 29 Disember 1937 memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar (Malay College Kuala Kangsar), Perak. Menuntut di sini sehingga darjah VII, sehingga Disember 1941 kerana Tanah Melayu diserang Jepun. Kembali ke Sarawak pada tahun 1942. (Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 75-84).

62 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 90.

63 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 101.

64 Temuramah Abang Redzuan, Kuching, Disember 2006.

65 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 102.

kakitangan kerajaan supaya menurunkan tandatangan dan mengembalikannya. Tandatangan tersebut bukan bermakna menyokong anti-penyerahan, tetapi sebagai tanda menyokong kerajaan dan tidak terlibat dalam politik. Namun begitu Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menyebarkan kempen dengan menyatakan menurunkan tandatangan bermakna menyokong penyerahan. Dengan itu ramai kakitangan kerajaan menentang pekeliling ini, dan kira-kira 338 orang meletakkan jawatan. Perletakan jawatan ini menimbulkan masalah dalam pentadbiran Sarawak, di mana kekosongan itu diisi oleh orang bukan Melayu. Jabatan yang mengalami masalah tersebut antaranya ialah Jabatan Kerajaan, seperti pendidikan. Perletakan jawatan kakitangan kerajaan ini dijadikan modal kempen sebagai tanda kejayaan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.

Walaupun yang meletakkan jawatan tersebut melebihi 400 orang, tetapi kumpulan ini dikenali sebagai Kumpulan 338. Mereka meletakkan jawatan pada 2 April 1947. Perletakan jawatan ini disifatkan sebagai langkah berani dilakukan oleh kakitangan kerajaan sebagai tanda menentang Sarawak sebagai tanah jajahan mahkota British. Pada ketika ini terdapat 3,302 kakitangan kerajaan, dan daripada jumlah tersebut, kira-kira 1,372 adalah Melayu. Sementara itu daripada 338, hanya tidak orang daripada kaum lain, semua bakinya Melayu. Perletakan jawatan ini tidak memberi kesan kepada pentadbiran kerajaan negeri Sarawak. Namun begitu 22 daripada 62 sekolah kerajaan terpaksa ditutup, kerana antara yang meletakkan jawatan itu terdiri daripada 87 orang guru daripada 152 guru yang berkhidmat di Sarawak.⁶⁶

Kesan kempen pemuluan dan pekeliling No.9 mendorong Datu Bandar Abang Haji Mustapha menubuhkan Persatuan Melayu Muda (*Young Malay Association*=YMA) pada Jun 1947 di dewan, Kampung Mesjid. Persatuan ini diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha sebagai Presiden; Haji Muhammad Yusof, pegawai kanan bumiputera sebagai Timbalan Presiden; Datu Amar Abang Haji Suleiman sebagai Penaung; Abang Haji Osman, adik Datu Bandar Abang Haji Mustapha, pegawai C.I.D. Kuching sebagai Setiausaha Agong; dan Sub-Inspektor Mohammad sebagai Setiausaha Sukan. Matlamat utama Persatuan ini untuk meningkatkan keyakinan pemuda, khususnya daripada keluarga penyokong penyerahan yang menghadapi cemuhan atau kritikan dan pemuluan daripada golongan anti-penyerahan. Walaupun kerajaan kolonial tidak menunjukkan sokongan secara terbuka, tetapi Raja ada memberi sumbangan sokongan sebanyak 10,000 paun. Selain itu matlamat Persatuan Melayu Muda adalah untuk memajukan sosial dan ekonomi orang Melayu.⁶⁷ Langkah ini diambil kerana mereka yang menyertai Persatuan Pemuda Melayu menyedari kedudukan masyarakat Melayu ketinggalan dalam berbagai aspek, dan jika menentang penyerahan orang Melayu akan mengalami kerugian. Pandangan ini berbeza dengan anti-penyerahan menyatakan mempunyai semangat cinta tanah air dan tidak mahu Sarawak dijajah.⁶⁸

Dalam pada itu golongan anti-penyerahan melancarkan tunjuk perasaan besar-besaran pada 1 Julai 1947, hari ulang tahun penyerahan Sarawak.⁶⁹ Beribu-ribu orang

66 Haji Said bin Haji Mohidin, *Pemberontakan di Brunei 1962*, Limbang: Penerbit Haji Said bin Haji Mohidin, 2010, hlm. 12.

67 Ibid., hlm. 105-107.

68 Suffian bin Mansur, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (1959-1974)*, hlm. 17.

69 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 58.

Melayu Kuching menyertai tunjuk perasaan menentang Sarawak sebagai jajahan mahkota British. Mereka yang terdiri daripada 16 kumpulan berarak dari rumah Datu Patinggi Abang Haji Abdillah di Kampung Mesjid, membawa sepanduk bergerak menuju ke tugu peringatan Brooke berhampiran Pangkalan Batu. Antara sepanduk yang dibawa itu mencatatkan: “KAMI MAHU KEMERDEKAAN”; “HANCUR PENJAJAH BRITISH” dan “HARAP SELAGI BERNAFAS”.⁷⁰

Sementara Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak meneruskan kempen dan gerakan anti-penyerahan, Pergerakan Pemuda Melayu Sibü (PPMS) ditubuhkan pada tahun 1946. Antara matlamat utama perjuangan PPMS adalah meneruskan perjuangan anti-penyerahan yang dianjurkan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.

PPMS diketuai Sirat Haji Yaman, sebagai Presiden; Awang Rambli sebagai Setiausaha Umum; Muhammad Abet sebagai Bendahari, dan Abang Han sebagai Pustakawan. Ahli PPMS adalah pemuda Melayu dari lembah Sungai Rejang, Bahagian Ketiga Sarawak. Dianggar anggota PPMS berjumlah 30,000. Cawangan PPMS terdapat di Kanowit, Dalat, Maludam, Mukah dan Oya.⁷¹

Perjuangan PPMS lebih radikal berbanding PKMS. Antara matlamat PPMS adalah menentang British; juga mereka yang bersama dan menyokong British. Dalam pada itu PPMS juga mengambil perhatian terhadap kebajikan ahli, dan masyarakat setempat. Perjuangan PPMS bertambah radikal dengan penubuhan Rukun 13. 13 orang anggota PPMS mengadakan mesyuarat rahsia yang diketuai Awang Rambli dan Abang Han di rumah Dr. Majoribank, jalan Cross, Sibü pada pertengahan tahun 1948. Hasil mesyuarat inilah tertubuhnya Rukun 13, yang dianggotai oleh: Awang Rambli, Abang Han, Abang Ahmad, Rosli Dhoby, Abang Ahmad, Morni Junit, Awang Osman, Jack Yusof, Osman Dollah, Abang Mat Sirat, Che Alias Osman, Amin Jenal, Wan Zin, dan Tambek Adun. Mesyuarat rahsia ini juga memutuskan akan mencedera atau membunuh pegawai British. Mereka juga memutuskan akan mengambil tindakan sama terhadap pegawai yang berkerjasama serta menyokong British.⁷²

Seperti dirancangan, Rosli Dhoby mengambil amanah dan tugas menikam Duncan Stewart. Gabenor Duncan Stewart datang ke Sibü pada 3 Disember 1949. Ketika gabenor memeriksa perbarisan di Sibü, Rosli Dhoby menikam gabenor. Gabenor dibawa ke Hospital Sibü, dan kemudiannya diterbangkan ke Singapura untuk mendapat rawatan lanjut. Gabenor Sarawak Duncan Stewart meninggal dunia di Singapura pada 10 Disember 1949.

Pembunuhan Gabenor Duncan Stewart memberi tamparan hebat kepada kerajaan Sarawak dan baginda raja. Kerajaan Sarawak mengharamkan PPMS. Sementara itu majoriti berbagai kaum terkejut, terperanjat, dan ngeri. Juga dinyatakan ada antara mereka menyelar pembunuhan itu. Pembunuhan ini menjadi tajuk utama, antaranya dalam kalangan orang Cina. Orang Cina mengutuk pembunuhan tersebut. Melalui surat khabar Cina tempatan, berbagai pertubuhan menyatakan pujian dan sanjungan kepada Gabenor Duncan Stewart. Walaupun begitu terdapat pertubuhan Cina, misalnya, Persatuan Hakka (Kheh), Persatuan

70 Haji Said bin Haji Mohidin, *Pemberontakan di Brunei 1962*, hlm. 13.

71 Sanib Said, *Politik Melayu di Sarawak 1946–1966: Bersatu ke Mercu Kuasa*, Kuching: InfoGrafik Press Sdn. Bhd., 2015, hlm. 84.

72 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *MALAYSIA 500 Khazanah Insan Aset Negara Jilid 5 Pahlawan Bangsa*, hlm. 157.

Pekerja Kedai Kopi dan Persatuan Hap Jee (Hailam) tidak menyertai tandatangan penghormatan. Sementara itu Persatuan Pemuda Rakyat China Seberang Laut tidak diminta menyertai pujian dan sanjungan itu.

Gerakan menyiasat dan memburu mereka yang terlibat dilakukan di kediaman anti-penyerahan di Kuching pada 6 Disember 1949. Gerakan ini juga dilakukan di beberapa tempat lain pada 7 Disember 1949. Antara yang menarik dalam gerakan ini dijumpai surat Anthony Brooke yang dialamatkan kepada salah seorang pemimpin anti-penyerahan. Dalam surat tersebut, Anthony Brooke menggalakkan kegiatan anti-penyerahan.

Selain itu dilaporkan terdapat surat Johari bin Anang, Setiausaha PKMS kepada Rambli, setiausaha umum PPMS, menyatakan penyokong anti-penyerahan akan menggunakan Anthony Brooke apabila keadaan sesuai. Juga menyatakan, perjuangan sebarang adalah kemerdekaan penuh Sarawak. Dalam geledahan PPM Miri, dijumpai surat yang dilamatkan kepada Johari bin Anang, bertanyakan insiden pembunuhan gabenor dan meminta nasihat tindakan seterusnya. Dalam gerakan geledah di Kuching, gagal menjejaki persatuan yang terlibat secara langsung dalam pakatan membunuh Duncan Stewart. Namun begitu terdapat bukti mereka baru membakar dokumen berkaitan.

Sementara itu, pemangku halehwal pribumi melawat rumah, kebanyakan ketua kampung, dan Melayu sekitar Kuching beberapa hari selepas pembunuhan bagi mendapatkan maklumat perasaan umum terhadap pembunuhan gabenor. Mereka yang masih mempamerkan poster anti-penyerahan menyatakan malu dan ngeri di atas pembunuhan gabenor. Dalam pada itu empat pertubuhan anti-penyerahan di Kuching mengirim surat takziah.⁷³

Dalam pada itu penyokong anti-penyerahan menjalankan siri lawatan Kampung Dayak Darat sekitar Kuching memerangsangkan mereka mengibarkan bendera Sarawak dan mempamerkan poster anti-penyerahan. Sementara itu laporan diterima, mesyuarat rahsia anti-penyerahan mencari langkah melindungi mereka yang terlibat dalam pakatan membunuh gabenor. Laporan juga menyatakan mereka sedang menguruskan hubungan dengan Indonesia untuk membantu merencanakan gerakan kemerdekaan.⁷⁴

Seterusnya dalam laporan intelijen bulan Februari 1950, terdapat tiga aspek utama yang menjadi perbualan di Sarawak. Pertama, perbincaraan Sibui; Kedua, perantikan gabenor baru, dan ketiga pengibaran bendera Sarawak. Masyarakat memandang negatif perbincaraan terhadap mereka yang terlibat dalam pembunuhan gabenor. Mengenai perantikan gabenor baru pula, berita menyatakan kumpulan anti-penyerahan akan menganjurkan demonstrasi. Dalam pada itu terdapat juga pakatan untuk menghalang ketibaan gabenor baru dengan mempamerkan poster. Selain itu terdapat juga berita, seorang pemuda menyatakan kepada Johari bin Anang sanggup membunuh gabenor baru.

Masyarakat Melayu Sarawak yang bersemangat terus melahirkan rasa tidak puas hati terhadap langkah kerajaan melarang mengibarkan bendera Sarawak. Kumpulan ini menyatakan bendera Sarawak hampir 100 tahun dikibarkan di Sarawak. Sehubungan itu mereka terus mengibarkan bendera Sarawak, contohnya ketika mengadakan mesyuarat.

73 FO 371/84503, Sarawak & Brunei Political Intelligence Report for December 1949, "Sarawak & Brunei Monthly Political Intelligence Report For December 1949 Serial No. 12/49".

74 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For January 1950. Serial No. 1/50".

Selain itu poster anti-penyerahan juga dipamerkan. Dalam pada itu ada laporan bahawa majoriti Melayu Kuching, Sibul dan Miri menerima bendera *Union Jack* dikibarkan bersama bendera Sarawak.⁷⁵

Mereka yang terlibat dalam pakatan dan membunuh Gabenor Sarawak Duncan Stewart ditahan. Rosli Dhoby, Morsaidi bin Sedek, Awang Rambli, Abang Han, Bujang bin Suntong, Osman bin Dollah, Morni bin Onei, Ahmad bin Abu Bakar, Awang Othman, dan Wan Zaid bin Abdullah ditangkap. Mereka dibicarakan, mahkamah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada Rosli Dhoby, Morsaidi bin Sedek, Awang Rambli dan Bujang bin Suntong. Rosly Dhoby dan Morsaidi digantung sampai mati pada 3 Mac 1950. Awang Rambli dan Bujang bin Suntong pula digantung pada 23 Mac 1950.⁷⁶ Manakala Abang Han dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun; Osman bin Dollah, Morni bin Onei dan Osman Ahmad dihukum 10 tahun; Ahmad Abu Bakar, tujuh tahun; Othman bin Moh dan Wan Zaid bin Abdullah dihukum penjara 5 tahun. Keempat mayat yang digantung tersebut ditanam di kawasan penjara Kuching; tetapi kemudiannya dipindahkan di Sibul pada 2 Mac 1996.

Tindakan dan langkah kerajaan Sarawak mengawal keamanan Sarawak menunjukkan kesan positif. *Utusan Sarawak*, sebuah akhbar Melayu yang menyokong anti-penyerahan pada tahun 1950 mengambil pendekatan perlembagaan dalam mendekati kumpulan anti-penyerahan. Sementara itu diterbitkan akhbar, *Pedoman Ra'ayat* pada 24 Mac 1950 yang bermatlamat menyangkal sebarang laporan tidak tepat *Utusan Sarawak*.⁷⁷ Langkah keselamatan kerajaan Sarawak juga menyebabkan ketibaan gabenor baru, Anthony Foster Abell, C.M.G. di Pending dengan kapal *T.S.M.V. Rajah Brooke* pada 3 April, dan upacara peralihan gabenor ada 4 April 1950 berjalan lancar tanpa bantahan. Dalam pada itu, beberapa hari sebelum ketibaan gabenor baru, tiga orang yang disyaki merancang menyerang gabenor ditangkap. Begitu juga kegiatan anti-penyerahan di Miri berakhir, hanya beberapa orang yang ekstrim meneruskan kegiatan.

Sementara itu kumpulan anti-penyerahan dan penyokong penyerahan sudah mula berbaik dan berkerjasama. Misalnya dalam upacara kenduri kahwin yang berlangsung di Santubong pada 11 Jun 1950, kedua kumpulan anti dan penyokong penyerahan hadir. Berikutnya pada keluaran 22 Jun 1950, pertama kali *Utusan Sarawak* tidak menyiarkan propaganda anti-penyerahan.⁷⁸

Setakat ini masih kurang jelas reaksi penduduk Sabah terhadap langkah dan usaha kerajaan baginda raja menjadikan Sabah sebagai jajahan mahkota British. Padahal terdapat pertubuhan di Sabah, Persatuan Kebangsaan Melayu Labuan dan Persatuan Kebangsaan Melayu Jesselton. Kedua-dua pertubuhan Melayu ini tidak jelas reaksi terhadap pelaksanaan dasar tersebut. Namun begitu kedua-dua pertubuhan ini disebut menjalankan kegiatan anti-penjajah British di Sabah. Dengan itu, dalam usaha mengatasi perkembangan semangat

75 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For February 1950. Serial No. 2/50".

76 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For March 1950. Serial No. 3/50". Tarikh hukuman gantung berdasarkan laporan ini.

77 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For March 1950. Serial No. 3/50".

78 FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For June 1950. Serial No. 6/50".

perjuangan ini, pemimpin utama pertubuhan tersebut dipindahkan ke tempat lain. Misalnya, pengerusi Persatuan Kebangsaan Melayu Labuan dipindahkan ke Jesselton, berkhidmat di jabatan perbendaharaan.⁷⁹

Sementara itu berlaku perkembangan penting dalam sejarah politik Melayu di Persekutuan Tanah Melayu pada 1951. Penganjur dan pemimpin UMNO, Dato' Onn Jaafar meletak jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO. Kemudiannya menubuhkan Independence of Malaya Party. UMNO pula dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, setelah mendapat undi majoriti dalam mesyuarat yang berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman berikrar akan meneruskan perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan. Satu perkara yang sangat penting berlaku pada 1951, UMNO mengubah slogan perjuangan daripada HIDUP MELAYU kepada MERDEKA. Pada 1952, Tunku Abdul Rahman mengambil langkah bergabung dengan Malayan Chinese Association (MCA) membentuk Parti Perikatan, setelah melihat kejayaan pakatan UMNO-MCA dalam pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur. Pada 1954, Tunku Abdul Rahman bersama T.H. Tan berangkat dengan kapal terbang dari Singapura ke London. Kehadiran Tunku Abdul Rahman dan T.H. Tan ini sebagai mewakili Perikatan, UMNO dan MCA. Pada 1955, Malayan Indian Conggres (MIC) pula menyertai Parti Perikatan. Pada 14 Mei 1956, Tunku Abdul Rahman berunding dengan Setiausaha Tanah Jajahan Oliver Lyttleton. Tuntutan utama Tunku Abdul Rahman menambah jumlah kerusi Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan tidak disetujui oleh Oliver Lyttleton. Juga beliau tidak bersetuju pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu diadakan pada penghujung 1954.

Keputusan rundingan ini tidak melemahkan semangat perjuangan kemerdekaan Tunku Abdul Rahman. Langkah ke arah berkerajaan sendiri diteruskan, dan menuntut kerajaan British, melalui Persekutuan menganjurkan Pilihanraya Umum Persekutuan pada 1955. Pada 1955 Pilihanraya Umum Persekutuan dilaksanakan. Kejayaan ini menandakan harapan mewujudkan kerajaan sendiri bertambah cerah di Persekutuan Tanah Melayu. Dalam pilihan raya tersebut, 52 kerusi dipertandingkan; dan Perikatan memenangi 51 kerusi; satu kerusi dimenangi calon Parti Islam Se-Malaya (PAS). Kejayaan cemerlang ini melayakkan Perikatan membentuk kerajaan, dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan yang pertama.

Usaha menuntut kemerdekaan masih diteruskan UMNO, dan kali ini melalui kerajaan Perikatan. Pada Januari 1956, Tunku Abdul Rahman sebagai ketua rombongan bersama Dato' Abdul Razak Hussain, Dr. Ismail Abdul Rahman, T.S. Tan, H.S. Lee, dan Abdul Kadir Shamsuddin sebagai Setiausaha, mewakili kerajaan Perikatan; dan empat wakil Raja Melayu, Dato' Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab (Menteri Besar Perak), Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan), Dato' Seth Mohd Said (Menteri Besar Johor), dan Abdul Aziz Majid (Menteri Besar Selangor), dikenali sebagai Rombongan Kemerdekaan berangkat ke London. Tunku Abdul Rahman ke London, menaikki kapal *M.V. Asia* dari Singapura menuju Ceylon (Sri Lanka), sebelum meneruskan perjalanan ke Kerachi. Dari sini Tunku Abdul Rahman menaiki kapal terbang menuju London, dan tiba pada 13 Januari 1956. Rombongan ini berunding di London dengan wakil kerajaan British yang diketuai

79 Maklumat lanjut mengenai pertubuhan Melayu di Sabah, sila lihat Eko PrayitnoJoko dan Ramli Dollah, "Kesedaran dan Gerakan Awal Nasionalisme di Borneo Utara (Sabah), Malaysia: Parti Kebangsaan Melayu (PKM) dan Barisan Pemuda (BARIP)", *MALAYSIA dari segi SEJARAH*, Bil. 44-2016, hlm. 98-122.

Setiausaha Tanah Jajahan Alan Lennox Boyd. Rundingan berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956, membuahkan hasil cemerlang, dan mencipta sejarah penting dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Pada 8 Februari 1956, mencapai persetujuan, kerajaan British mementerai perjanjian, dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan 1956, antara lain akan memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957.

Rombongan Kemerdekaan pulang membawa kejayaan, mendarat di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka, terus ke Banda Hilir, disambut ribuan patriot, nasionalis dan penyokong kemerdekaan. Pada hari bersejarah ini, 20 Februari 1956, berdiri di khalayak ramai, Tunku Abdul Rahman dengan megah dan bergaya di bumi pertama kali dijajah, sebagai simbolik memaklumkan kejayaan Rombongan Kemerdekaan, mengisytiharkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, dan seterusnya melaungkan dengan bersemangat, serta disambut khalayak seruan Merdeka.

Dalam perkembangan selanjutnya ke arah kemerdekaan, kerajaan Perikatan dan kerajaan British bersetuju membentuk sebuah Suruhajaya bagi menggubal draf Perlembagaan. Dengan itu sebuah Suruhanjaya dibentuk, diketuai Lord Reid, dan Suruhanjaya ini diperkenan Raja Melayu melalui Majlis Raja. Sempena ketua Suruhanjaya, Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid. Draf Perlembagaan ini dibincang Raja Melayu, UMNO, parti politik, pertubuhan dan individu berminat. Oleh kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diselesaikan dengan kerajaan British, antaranya soal kewarganegaraan, Tunku Abdul Rahman bersama V.T. Sambanthan berangkat ke London pada 9 Mei 1957. Draf Perlembagaan yang dipinda dibincang dan diperkenan oleh Raja Melayu dalam mesyuarat Majlis Raja. Seterusnya Perlembagaan ini dibentang dan dibahaskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan yang berlangsung pada 10 dan 11 Julai 1957.

Seterusnya pada 5 Ogos 1957, berlaku peristiwa penting ke arah kemerdekaan. Pada tarikh ini termeterai perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, di antara sembilan Raja Melayu, dan Undang Negeri Sembilan dengan Baginda Queen Elizabeth II yang diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray di King's House, Kuala Lumpur. Perjanjian yang juga dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan merangkumi pelbagai aspek; antaranya mengenai Raja Melayu, Kedudukan Hak Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu, dan kewarganegaraan. Kemudiannya Perlembagaan Persekutuan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957. Seterusnya pada 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka Persekutuan Tanah Melayu dimasyhurkan sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kemudiannya pada 31 Ogos 1958, Persekutuan Tanah Melayu menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan pertama.

Kira-kira empat tahun kemudian selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka, pada 1961, Tunku Abdul Rahman memaklumkan gagasan Malaysia. Gagasan Malaysia dikemukakan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman. Beliau mengutarakan gagasan percantuman Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Brunei, dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia di Singapore Press Club pada 27 Mei 1961, ketika jamuan makan tengah hari yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis-penulis Luar Negeri Asia Tenggara.⁸⁰

80 Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Respnse*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1992, hlm. 171. Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 35.

Cadangan Tunku Abdul Rahman ini membangkitkan pelbagai reaksi, Lee Kuan Yew agak selesa dengan cadangan tersebut. Namun begitu Datu Bandar Abang Mustapha menyatakan kesukaran untuk menyatukan tiga buah negeri Borneo (Sarawak, Sabah dan Brunei). Namun begitu setelah mendapat penjelasan daripada Ghazali Shafie, yang dihantar Tunku Abdul Rahman ke Kuching, Datu Bandar Abang Mustapha mendapati banyak kebaikan akan dicapai oleh penduduk Sarawak, khususnya Melayu Sarawak. Seterusnya Datu Bandar Abang Mustapha menyatakan pembentukan Malaysia ini sebagai berita baik kepada mereka yang hadir dalam upacara perasmian cawangan PANAS di Kampung Seberang Hilir.

Pada 16 Januari 1962, sebuah suruhanjaya penyiasat pembentukan Malaysia ditubuhkan. Suruhanjaya ini dianggotai oleh Lord Cobbold (bekas gabenor Bank England), sebagai pengerusi; ahlinya, Sir Anthony Abell (bekas gabenor Sarawak), Sir David Watherston (bekas Ketua Setiausaha British Tanah Melayu), Datuk Wong Pow Nee (Malayan Chinese Association – Ketua Menteri Pulau Pinang), dan Muhammad Ghazali bin Shafie (Setiausaha Tetap Kementerian Halehwal Luar Persekutuan Tanah Melayu).⁸¹ Suruhanjaya dipertanggungjawabkan menentukan pandangan penduduk Sarawak dan Borneo Utara, dan penilaian terhadap pandangan tersebut untuk diperakukan.⁸² Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold, sempena nama pengerusinya, dan diberi tanggungjawab untuk meninjau pandangan dan pendapat penduduk Sarawak dan Sabah terhadap Persekutuan Malaysia, dan kemudiannya melaporkan hasil daripada siasatan tersebut. Anggota suruhanjaya ini tiba di Kuching pada 19 Februari 1962. Suruhanjaya ini berjumpa sebanyak 50 di 35 tempat: 20 di Sarawak dan 15 di Sabah. Berjumpa kira-kira 4,000 orang, menerima memorandum kira-kira 2,200; dari Sarawak 1600, dan dari Sabah 600.⁸³

Suruhanjaya Cobbold mendapat maklumat daripada berbagai suku kaum di Sarawak dan Sabah. Di Sarawak Suruhanjaya ini mendapat pandangan dan pendapat daripada orang Dayak Laut, Melayu, Melanau, Dayak Darat, Kadayan, Kenyah dan Kayan, Murut, Kelabit, Bisayah dan Orang Cina. Dalam pada itu pandangan juga didapati daripada Parti SUPP, PANAS, SNAP dan BERJASA. Suruhanjaya Cobbold berpendapat sebahagian besar Dayak Laut menyokong penubuhan Malaysia.

Hasil daripada tinjauan Suruhanjaya, Dayak Darat, Kenyak dan Kayan lebih berminat tinggal di bawah pentadbiran British; orang Melanau dan Kadayan yang kebanyakannya beragama Islam menyokong pembentukan Malaysia, dan berpendapat lebih kurang sama dengan pandangan orang Melayu; manakala orang Cina, kebanyakannya menentang penubuhan Malaysia. Sementara itu Parti Politik, PANAS, SNAP menyokong penubuhan Malaysia; SUPP, menentang Malaysia dan menuntut kemerdekaan Sarawak. Seterusnya parti BERJASA menyokong Malaysia.⁸⁴

Laporan Suruhanjaya Cobbold diterbitkan pada 1 Ogos 1962. Dalam kesimpulannya Suruhanjaya menyatakan satu pertiga menyokong Persekutuan Malaysia; satu pertiga menentang, dan satu pertiga lagi menerima dengan syarat terjamin masa depan mereka.⁸⁵

81 James Chin and Jayl Langub, "The Sarawak Administrative Service: Its Origins", hlm. 15. Michael B. Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, hlm. 40.

82 Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, hlm. 179.

83 Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke dalam Persekutuan Malaysia*, hlm. 50-51.

84 Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke dalam Persekutuan Malaysia*, hlm. 55-56.

85 Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, hlm. 182. Michael B. Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, hlm. 40.

Sebagai tindakan susulan daripada Laporan Suruhanjaya Cobbold, kerajaan Great Britain, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura bersetuju menubuhkan Persekutuan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Seterusnya Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) dibentuk dan ditugaskan merancang perlembagaan masa depan dan membentuk jaminan masa depan.⁸⁶

Jawatankuasa ini terdiri daripada perwakilan Sarawak, Tanah Melayu dan Sabah dan dipengerusikan oleh Menteri Tanah Jajahan Lord Snowdowne. Lord Snowdowne melawat Sarawak dan Sabah. Di Sarawak, Lord Snowdowne akan mendapat pandangan gabenor masing-masing. Jawatankuasa ini berangkat ke Sarawak pada Ogos 1962. Dalam pada itu Sarawak melantik beberapa pegawai kanan kerajaan dan empat orang anggota tidak rasmi Majlis Negeri: Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Pengarah Montegrai, Ling Beng Siew, Chia Chin Sin dan Temenggung Jugah anak Barieng, mewakili Sarawak dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan. Jawatankuasa ini bermesyuarat beberapa kali, antaranya di Jesselton pada 30 Ogos 1962,⁸⁷ dan akhirnya di Kuala Lumpur pada 20 Disember 1962.

Seterusnya pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah ditubuhkan dengan rasminya. Datu Abang Haji Openg menjadi Gabenor Sarawak pertama untuk tempoh dua tahun mulai pembentukan Persekutuan Malaysia (16 September 1963).⁸⁸ Di hari pengisytiharan penubuhan Malaysia, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung menyatakan kesyukuran dalam titah penubuhan Malaysia tersebut. Seterusnya Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan penubuhan Malaysia ke seluruh dunia pada pukul 6.10 petang, Selasa 16 September 1963.⁸⁹ Dalam surat pengisytiharan Malaysia tersebut mencatatkan mulai 16 September 1963 kerajaan baginda raja tidak lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa terhadap kedua-dua negeri, Sarawak dan Sabah.

Kesimpulan

Setelah lipatan sejarah Malaysia dibuka, dan memori sejarah dikumpul, fakta menjelaskan dan membuktikan dalam Sejarah Malaysia, Melayu dan pribumi menentang penjajah, dan menuntut kemerdekaan. Melayu negeri Melayu menentang Portugis, Belanda, Siam, dan British. Begitu juga pribumi dan Melayu di Sarawak menentang pentadbiran Raja Brooke; dan pribumi Sabah menentang Pentadbiran Kompeni. Melayu menuntut Kemerdekaan, dan mulai Kerajaan Perikatan pada 1955, MCA dan MIC terlibat dalam tuntutan kemerdekaan. Sementara itu Sarawak dan Sabah pula bergiat cergas dalam gerakan membebaskan negeri daripada jajahan mahkota British melalui Gagasan Malaysia, dan merdeka dengan rasminya pada 16 September 1963. Jelas dan nyata 31 Ogos 1957 dan 16 September 1963 adalah Hari Kemerdekaan dalam Sejarah Malaysia. Dengan itu istilah dan rujukan sesuai serta tepat dalam Sejarah Malaysia adalah Kemerdekaan Malaysia.

86 Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Respnse*, hlm. 183.

87 Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak: Some reflections of his life an times*, Kuching: Sarawak Literary Society (Persatuan Kesusasteraan Sarawak), hlm. 158.

88 *Utusan Sarawak*, 14 September 1963.

89 *Utusan Sarawak*, Khamis 19 September 1963.